

9

Perkembangan Dalam Sistem Kewangan

Dasar Kewangan

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, dasar kewangan terus memberi keutamaan kepada pencapaian kestabilan harga bagi memastikan prospek pertumbuhan ekonomi yang mampan. Salah satu unsur terpenting dasar adalah juga bagi memastikan kestabilan pasaran wang dan pertukaran asing supaya satu suasana yang dapat dijangka diwujudkan untuk sektor swasta menjalankan perniagaan dan pelaburan mereka. Perkembangan dalam tempoh ini yang membimbangkan adalah kadar pertumbuhan penawaran wang yang tinggi dan berterusan disebabkan terutamanya oleh peningkatan kukuh pemberian pinjaman institusi perbankan kepada sektor-sektor ekonomi yang kurang produktif serta keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu akibat perkembangan serantau.

Pengembangan kewangan yang kukuh masih menjadi isu kebimbangan memandangkan ia memerlukan satu dasar yang dapat menanganinya di sepanjang tahun 1997 bagi membendung tekanan inflasi. Walaupun pengembangan kewangan menjadi sederhana dalam tempoh suku pertama tahun 1997 dengan M1 dan M2 masing-masing berada pada kadar asas tahunan 18.9% dan 20.8% pada akhir bulan Mac (masing-masing sebanyak 18.3% dan 20.9% pada akhir tahun 1996) dan M3 menyederhana kepada 21.0% (22.7% pada akhir tahun 1996), perkembangan kewangan masih kukuh jika dibandingkan dengan pertumbuhan Keluaran Negara Kasar nominal yang dijangka pada kadar 10.3% bagi tahun 1997. Pertumbuhan kewangan terus disumbangkan oleh pertumbuhan kukuh pemberian pinjaman perbankan kepada sektor swasta terutamanya kepada sektor-sektor ekonomi yang kurang produktif seperti hartanah dan saham. Kebolehan untuk mendapatkan pembiayaan perbankan akan

menyumbang kepada kenaikan harga yang berterusan dan seterusnya meningkatkan kebimbangan mengenai inflasi asset dan potensi kesan ketidakstabilan ke atas ekonomi negara. Berikutan ini, Bank Negara Malaysia (BNM) telah memperkenalkan beberapa langkah berkuatkuasa mulai 1 April 1997 bagi memastikan kestabilan sistem perbankan tidak terjejas daripada pendedahan keterlaluannya kepada sektor-sektor ekonomi yang kerap turun naik secara relatifnya. Langkah-langkah ini termasuk menghadkan kemudahan kredit bagi sektor harta benda (tidak termasuk pembelian dan pembinaan rumah dan pangsapuri bernilai RM150,000 dan ke bawah serta projek-projek infrastruktur, dan bangunan perindustrian dan kilang) kepada tidak melebihi 20.0% daripada jumlah pinjaman terkumpul; dan mentafsir semula had sekarang untuk bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar bagi pembelian stok dan saham supaya meliputi kemudahan kredit yang dikeluarkan bagi pembelian stok dan saham serta unit bagi dana amanah. Pengenaan langkah-langkah ini menyebabkan kredit yang disalurkan kepada sektor-sektor ini menjadi perlahan sedikit dalam bulan Jun dan Julai dengan M3 meningkat secara perlahan pada kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 20.8% pada akhir bulan Julai 1997.

Dalam tempoh suku pertama tahun 1997, mudah tunai sistem perbankan lega sepertimana yang digambarkan oleh kadar faedah yang stabil. Kadar antara bank kekal stabil dengan kadar 3-bulan diniagakan dalam lingkungan 7.27% hingga 7.46%. Walau bagaimanapun, mudah tunai menguncup dan keadaan pengetatan mudah tunai mula wujud dalam tempoh Mei hingga Julai akibat tekanan ke atas ringgit berikutan kesan sampingan daripada perkembangan di Thailand. Kadar antara bank meningkat dengan ketara bagi keseluruhan tempoh matang dan kadar semalaman berubah-ubah

dengan ketara selaras dengan penguncupan mudah tunai akibat aktiviti spekulasi yang berlaku terutamanya pada bulan Julai. Mencerminkan perubahan mudah tunai ini, kadar antara bank bagi tempoh matang 1-bulan berada dalam lingkungan di antara 7.23% hingga 16.50%, manakala tempoh matang 3-bulan pula di antara 7.40% hingga 8.60% pada bulan Julai. Menggambarkan perkembangan dalam pasaran wang, purata kadar pemberian pinjaman asas (BLR) dan kadar deposit bank perdagangan dan syarikat kewangan meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun ini. Sebagai langkah untuk mengurangkan kesan perkembangan luaran ke atas kadar faedah ini, BNM telah mengeluarkan garis panduan kepada institusi perbankan pada 31 Julai 1997 supaya menghadkan BLR mereka pada bulan Ogos kepada tahap tertinggi BLR pada bulan Julai 1997. Pada 4 Ogos 1997, BNM telah memperkenalkan had AS\$2 juta ke atas bank bagi urusan swap yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing, bagi mengasingkan kadar faedah tempatan daripada perkembangan luaran. Berikutan daripada ini, kadar antara bank menurun tetapi masih melebihi tahap yang wujud sebelum pasaran wang dilanda turun naik yang hebat. Penyederhanaan kadar-kadar ini mencerminkan usaha-usaha bagi mengurangkan perubahan besar dalam kadar faedah bertujuan untuk mewujudkan kestabilan dalam pasaran wang tempatan.

Memandangkan langkah-langkah baru yang diperkenalkan oleh BNM terutamanya bagi membendung pengembangan kewangan dan pertumbuhan pinjaman kepada sektor-sektor ekonomi yang kurang produktif akan mengambil masa untuk memberi kesan, pendirian dasar kewangan untuk baki tempoh tahun ini akan terus menjadi sesuatu yang terhad. Pada masa yang sama, BNM akan terus menggalakkan kestabilan pasaran kewangan bagi mewujudkan suasana yang memberangsangkan untuk aktiviti ekonomi sektor swasta.

Penawaran Wang

Perkembangan kewangan menjadi perlahan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Dalam tempoh ini, agregat kewangan yang luas, M3, berkembang pada kadar tahunan sebanyak 20.8%, lebih rendah daripada pertumbuhan 22.7% pada akhir tahun 1996. Pemberian pinjaman

kepada sektor swasta terus menyumbang kepada pertumbuhan dengan peningkatan sebanyak 17.1% pada tujuh bulan pertama tahun 1997 (26.5% pada tahun 1996). Kedua-dua sektor luaran dan operasi belanjawan kerajaan adalah menguncup kepada penawaran wang.

Wang secara kecil, M1, yang didefinisikan meliputi mata wang dalam edaran dan deposit semasa sektor swasta, merosot sebanyak 2.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan kenaikan sebanyak 8.9% yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Kemerosotan M1 adalah disebabkan oleh penyusutan sebanyak RM1,585 juta deposit semasa (deposit semasa mewakili 68.1% daripada M1 pada akhir bulan Julai 1997) berbanding dengan kedudukan pada akhir tahun 1996 yang disebabkan oleh kelembapan prestasi pasaran saham dalam suku kedua dan ketiga serta kenaikan kadar faedah. Sementara itu, matawang dalam edaran yang mewakili sebanyak 31.9%, M1, meningkat sedikit pada kadar 0.2% (2.2% pada tempoh yang sama) kepada RM19,079 juta pada akhir bulan Julai 1997 daripada RM19,033 juta pada akhir tahun 1996. Pada asas tahunan, pertumbuhan M1 meningkat dengan kadar yang perlahan daripada 18.3% pada akhir 1996 kepada 5.9% pada akhir bulan Julai 1997.

Pertumbuhan terkumpul wang secara luas, M2, yang merangkumi M1 dan separa wang secara kecil (meliputi pegangan deposit tetap dan tabungan sektor swasta dengan bank perdagangan dan BNM, instrumen deposit boleh niaga (IDB) bersih dan perjanjian pembelian semula (repo), meningkat secara sederhana sebanyak 7.6% atau RM258,786 juta pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 9.1% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Peningkatan ini menyumbang kepada 11.1% atau RM19,896 juta dalam peningkatan separa wang kepada RM198,895 juta pada akhir bulan Julai 1997 (9.2% dalam tempoh yang sama tahun 1996). Kenaikan dalam separa wang disebabkan oleh peningkatan yang ketara sebanyak RM10,857 juta atau 40.3% dalam IDB dan repo berbanding dengan 6.9% pada tempoh yang sama tahun 1996, sementara deposit tetap meningkat sebanyak 8.6% (Januari-Julai 1996: 9.9%) dan simpanan tabungan merosot sebanyak 5.5%. Walaupun peningkatan kadar deposit tetap adalah perlahan, ia masih kekal sebagai penyumbang utama kepada peningkatan separa wang (53.4% daripada peningkatan

terkumpul dalam separa wang) diikuti dengan IDB (27.3%) dan repo (15.9%). Pada asas tahunan, pertumbuhan M2 adalah sederhana sebanyak 19.2% pada akhir bulan Julai, berbanding dengan kadar pertumbuhan sebanyak 20.9% pada akhir tahun 1996.

Pertumbuhan agregat kewangan yang lebih luas, M3, yang merangkumi M2 dan deposit sektor swasta (termasuk repo) yang disimpan dengan syarikat kewangan, bank saudagar, syarikat diskaun dan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) meningkat dengan kadar yang lebih perlahan sebanyak 9.6% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan peningkatan sebanyak 11.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Walaupun pengembangan M3 digerakkan oleh kekukuhan pinjaman tempatan sektor swasta, langkah-langkah yang diperkenalkan pada awal bulan April 1997 bagi menyederhanakan penyaluran pinjaman untuk pembelian hartanah dan saham telah menghasilkan peningkatan yang lebih perlahan bagi sektor-sektor ini pada bulan Jun dan Julai. Begitu juga dengan pertumbuhan

deposit sektor swasta yang disimpan dengan institusi perbankan lain tidak termasuk "interplacement" yang meningkat secara perlahan sebanyak 14.7% daripada akhir tahun 1996 kepada RM106,927 juta pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan 17.4% pada tempoh yang sama tahun 1996.


Pinjaman kepada sektor swasta berkembang sebanyak RM61,675 juta atau 17.1% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (RM41,319 juta atau 14.5% dalam tempoh yang sama tahun 1996). Pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan kepada sektor harta benda yang luas dan kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan dan penggunaan sebagai satu kumpulan menyerap kenaikan sebanyak 19.1% pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 kepada RM200,851 juta pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan 17.4% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pinjaman kepada sektor perkilangan pada masa yang sama mencatatkan kenaikan yang ketara sebanyak 7.5% kepada RM59,836 juta pada akhir bulan Julai 1997 (Januari-Julai 1996: 7.1%).

Sektor luar negeri menyumbangkan kesan penguncupan ke atas penawaran wang sebanyak -RM8.6 bilion dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan kesan penguncupan sebanyak - RM1.7 bilion pada tempoh yang sama tahun 1996. Pada tempoh ini, rizab antarabangsa bersih BNM mencatatkan kemerosotan sebanyak RM8,638 juta kepada RM61,376 juta pada tempoh akhir bulan Julai 1997. Pada masa yang sama tanggungan luaran bersih sistem perbankan meningkat pada kadar yang lebih perlahan sebanyak RM20 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 kepada RM10.9 bilion.

Operasi kewangan kerajaan menguncup ke atas penawaran wang. Ini dapat dilihat dari kejatuhan yang ketara di dalam pegangan kertas-kertas kerajaan oleh institusi perbankan dan BNM (-RM2.9 bilion). Dengan kedudukan kewangan kerajaan yang kukuh, pinjaman daripada sistem perbankan dari segi penjualan kertas-kertas kerajaan adalah tidak ketara. "Pengaruh-pengaruh lain" yang merangkumi faktor sisaan (seperti keuntungan yang tidak diagihkan, modal berbayar, rizab sistem perbankan dan kematangan bil-bil BNM yang dipegang oleh sektor swasta bukan bank) memberi kesan penguncupan ke atas penawaran wang sebanyak - 23.8% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997.

Carta 9.1

Arah Aliran Kewangan



1/ Pada akhir bulan Mac, Jun, September dan Disember termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos)
2/ Pada akhir bulan Julai 1997

Kecairan Bank dan Pasaran Wang

Kecairan dalam sistem perbankan turun naik dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, dipengaruhi oleh perkembangan kadar pertukaran asing dan pasaran modal. Oleh itu, dasar kewangan ditumpukan kepada pengurusan kecairan bagi memastikan keadaan kestabilan harga. Bagi melindungi kadar faedah tempatan daripada perkembangan luaran, BNM memperkenalkan had ke atas urusan swap yang bukan berkaitan dengan perdagangan pada bahagian tawaran dengan pelanggan asing dan mengeluarkan garis panduan yang mengkehendaki institusi menghadkan BLR bulan Ogos kepada tahap tertinggi dalam bulan Julai. Bagi memastikan pengurusan kecairan yang berkesan, BNM menguruskan operasi kecairan melalui kombinasi di antara langkah-langkah tradisional dan instrumen berasaskan pasaran, termasuk campurtangan di dalam pasaran wang secara langsung dan terbitan Bil Bank Negara (BNBs).

Kedudukan kecairan sistem perbankan menguncup dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pegangan lebihan aset cair oleh institusi perbankan (iaitu pemilikan yang melebihi keperluan wajib sebanyak 17.0% bagi bank perdagangan dan 10.0% hingga 12.5% bagi syarikat kewangan dan bank saudagar) adalah lebih rendah pada RM2,404 juta pada akhir bulan Julai 1997 daripada RM2,646 juta pada akhir tahun 1996.

Jumlah deposit (termasuk repo) yang digerakkan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM41,859 juta atau 11.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM36,596 juta atau 12.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar deposit baru yang digerakkan oleh bank perdagangan, mewakili sebanyak 58.3% atau RM24,396 juta daripada jumlah deposit baru, manakala syarikat kewangan dan bank saudagar mewakili sebanyak 34.5% dan 7.2%. Mengikut jenis deposit, deposit tetap mewakili bahagian terbesar (RM30,125 juta atau 72%) daripada peningkatan jumlah deposit. Pada asas tahunan, pertumbuhan jumlah deposit meningkat sebanyak 25.3% pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan 24.9% pada akhir tahun 1996.

Jumlah pinjaman dan pendahuluan oleh sistem perbankan meningkat sebanyak RM50,262 juta atau 15.7% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM35,028 juta atau 13.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar jumlah pinjaman disalurkan bagi tujuan membiayai sektor harta benda yang luas (25.4%), perkilangan (16.2%) dan kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (15.9%) pada akhir bulan Julai 1997. Pada asas tahunan, pertambahan pinjaman meningkat sebanyak 28.8% pada akhir bulan Julai 1995 (Julai 1996: 27.4%). Dengan pertumbuhan pinjaman yang disalurkan oleh sistem perbankan yang lebih kukuh daripada pertumbuhan deposit, sistem perbankan mengalami **jurang sumber** sebanyak RM8,403 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan lebihan pinjaman-deposit sebanyak RM1,568 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dengan ini, nisbah pinjaman-deposit meningkat daripada 89.1% pada akhir tahun 1996 kepada 92.3% pada akhir bulan Julai 1997.

Urusniaga dalam **pasaran wang antara bank** terus cergas dengan permintaan untuk pinjaman oleh sektor swasta yang berterusan. Pengagihan dana yang berlebihan yang tidak sama rata di kalangan institusi-institusi kewangan menjadikan urusan di pasaran antara bank cergas. Oleh yang demikian, jumlah dana bulanan yang diurusniagakan dalam pasaran berjumlah purata sebanyak RM109,226 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan purata sebanyak RM77,950 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar dana yang diurusniaga merupakan dana jangka pendek, yang mana wang semalaman merupakan 64.2% daripada jumlah besar urusan niaga dalam bulan Julai.

Kadar antara bank secara relatifnya kekal stabil dalam empat bulan pertama tahun 1997, dengan kadar purata antara bank bagi tempoh matang 7-hari kepada 6-bulan bagi bulan April berada pada lingkungan 7.22% - 7.41% (7.28%-7.35% pada bulan Disember 1996). Walau bagaimanapun, kadar antara bank meningkat dengan ketara pada bulan Mei berikutan tekanan spekulasi ke atas matawang. Pada 16 Mei, kadar antara bank bagi tempoh 3-bulan meningkat dengan ketara kepada 8.62%. Berikutan daripada ini, kadar antara bank telah menurun dengan kadar 3-bulan mencatatkan 7.51% pada akhir bulan Mei akibat daripada pemulihan keadaan kecairan. Kadar ini terus kekal

pada paras 7.50% pada akhir bulan Jun. Kadar faedah meningkat semula pada pertengahan Julai, berikutan aktiviti pusingan kedua spekulasi ke atas mata wang ringgit. Kadar antara bank meningkat dengan mendadak pada 10 Julai dengan kadar semalaman dan kadar 3-bulan meningkat kepada 40.43% dan 8.60% daripada 7.52% dan 7.90% pada hari sebelumnya. Selepas itu, kadar ini mula menyusut, dan pada 29 Julai, kadar antara bank semalaman dan 3-bulan merosot kepada 8.55% dan 8.38%. Selaras dengan pergerakan kadar antara bank, kadar mod deposit tetap bank perdagangan dan syarikat kewangan bagi tempoh matang secara keseluruhannya meningkat kepada 20-80 dan 25-120 mata asas, iaitu dalam lingkungan 7.50% - 8.00% dan 7.60%-8.50% pada akhir bulan Julai 1997. Kadar purata simpanan tabungan bagi bank perdagangan dan syarikat kewangan juga meningkat sedikit daripada 4 dan 10 mata asas kepada 4.14% dan 5.12% pada akhir bulan Julai 1997. Mencerminkan kos dana yang tinggi, BLR menunjukkan arah aliran yang meningkat. Kadar purata BLR bagi bank perdagangan meningkat daripada 9.18% pada akhir 1996 kepada 9.58% pada akhir bulan Julai 1997, sementara bagi syarikat kewangan meningkat daripada 10.65% kepada 11.21% pada tempoh yang sama.

Bank Perdagangan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, **jumlah sumber** (termasuk modal dan rizab, deposit, peminjaman daripada lain-lain institusi kewangan yang lain, penerimaan jurubank (BAs) dan tanggungan lain seperti faedah tertangguh, peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu serta peminjaman daripada BNM dan bil diskaun BNM) bank perdagangan terus berkembang selaras dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia. Jumlah sumber berkembang kukuh pada kadar 17.8% atau RM62.6 bilion, berbanding peningkatan sebanyak RM30.9 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar peningkatan ini adalah hasil daripada pertambahan deposit dan sebahagian besar dari peningkatan sumber ini pula telah digunakan untuk pembiayaan operasi pinjaman. Pada tempoh yang sama, bank perdagangan mengerakkan 67.0% daripada jumlah deposit yang disimpan dengan sistem perbankan serta menyalurkan 67.8% daripada jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan pada akhir bulan Julai 1997.

Selaras dengan perkembangan ekonomi yang pesat dan pengukuhan kadar faedah, **deposit baru**, termasuk IDB yang dikeluarkan, Tabung Pelaburan Baru, (TPB), deposit khas dan repo yang digerakkan oleh bank-bank perdagangan telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 10.0% atau RM24,396 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 10.2% dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti di Jadual 9.1. Peningkatan dalam pendapatan individu dan pendapatan korporat telah menyumbang kepada peningkatan deposit (termasuk repo) yang disimpan oleh individu-individu, syarikat-syarikat perniagaan dan institusi kewangan yang mana masing-masing meningkat sebanyak RM10.3 bilion, RM3.0 bilion dan RM7.1 bilion.

Mencerminkan pengembangan aktiviti ekonomi yang pesat dan kekukuhan permintaan bagi pinjaman oleh sektor swasta, **pinjaman dan pendahuluan** bank perdagangan terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jumlah pinjaman dan pendahuluan baru berkembang pada kadar 15.1% kepada RM250,757 juta (tidak termasuk pinjaman yang

Jadual 9.1

Bank Perdagangan: Deposit

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Julai 1997
	1996		1997		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit semasa	4,625	12.7	-60	-0.1	44,475
Deposit tabungan	2,159	9.2	-1,504	-5.2	27,290
Deposit tetap	10,310	10.1	11,824	9.1	142,436
IDBs ¹	1,371	5.6	7,515	27.4	34,982
Repo	1,587	16.5	3,144	26.6	14,962
Lain-lain ²	-4	-0.5	1,224	164.9	1,966
JUMLAH	20,049	10.2	24,396	10.0	268,364

¹ Instrumen deposit boleh niaga.

² Termasuk Tabungan Pelaburan Baru dan deposit khas.


Sumber: BNM.

dijual kepada Cagamas Berhad) berbanding dengan pertambahan 13.5% kepada RM198,558 juta pada tempoh yang sama tahun 1996. Dari segi pinjaman baru, sebahagian besar daripadanya telah disalurkan kepada sektor kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan (mewakili 27.9% atau RM9,196 juta daripada pinjaman baru), diikuti oleh sektor-sektor harta benda yang luas sebanyak 25.1% atau RM8,274 juta dan sektor perkilangan sebanyak 8.6% atau RM4,139 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 26.0%, 19.8% dan 7.0% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Jumlah pinjaman yang disalurkan kepada perdagangan am meningkat sebanyak 18.3% kepada RM26,259 juta pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan 8.2% pada tempoh yang sama tahun 1996, manakala pinjaman yang disalurkan kepada penggunaan merosot sebanyak 3.3% kepada RM7,834 juta (Januari-Julai 1996: RM1,382 juta). Walau bagaimanapun, pinjaman bagi tujuan pemberian saham/stok oleh individu menurun sedikit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 sebanyak 12.0% kepada RM10.9 bilion pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 12.2% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Selaras dengan pendirian dasar kewangan ketat yang diambil oleh Kerajaan, kedudukan kecairan bank perdagangan menurun sedikit dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Pada akhir bulan Julai 1997, nisbah kecairan bank perdagangan berada pada kadar 17.4%, berbanding dengan 17.8% pada akhir tahun 1996. Mencerminkan pertumbuhan pesat pinjaman (15.0%) berbanding dengan pertambahan deposit (10.0%), bank perdagangan mencatatkan jurang pinjaman deposit sebanyak RM8,469 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM3,501 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Oleh itu, nisbah pinjaman deposit bank perdagangan meningkat kepada 93.4% pada akhir bulan Julai 1997 (akhir 1996: 89.3%).

Mencerminkan kedudukan kecairan yang lebih ketat, mod kadar faedah deposit tetap bank perdagangan mencatatkan peningkatan sebanyak 20 hingga 80 mata asas dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Kadar mod deposit tetap bagi tempoh matang 1-bulan, 3-bulan, 6-bulan dan 12-bulan meningkat daripada 7.20%, 7.20%, 7.25% dan 7.30% setahun pada akhir tahun 1996 kepada 8.00%, 7.80%, 7.50% dan dari lingkungan 7.50% kepada 7.60% setahun pada akhir bulan

Carta 9.2
Bank Perdagangan




1/ Termasuk Perjanjian Pembelian Semula (Repos)

2/ Deposit bersih merujuk kepada lebihan deposit bank-bank perdagangan berbanding dengan pinjaman dalam tiap-tiap suku tahunan manakala pinjaman bersih merujuk kepada lebihan pinjaman berbanding dengan deposit.

3/ Pada akhir bulan Julai 1997.

Pinjaman Kepada Sektor-Sektor Utama
(Perubahan suku tahunan)



Jadual 9.2

Bank Perdagangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangkamasa				Pada akhir bulan Julai 1997
	1996		1997		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Pertanian	548	14.2	907	19.9	5,457
Perlombongan dan Kuari	274	30.9	66	11.0	677
Perkilangan	2,978	7.0	4,139	8.6	52,089
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	6,170	26.0	9,196	27.1	43,089
Pembinaan	2,586	18.4	5,518	28.6	24,814
Perdagangan am	1,566	8.2	4,068	18.3	26,259
Pengangkutan dan penyimpanan	500	16.7	2,013	48.4	6,174
Hartanah	1,830	11.5	1,364	6.5	22,449
Perumahan ¹	238	1.4	1,392	7.5	19,931
Pelbagai	6,861	19.3	4,274	9.4	49,828
JUMLAH	23,551	13.5	32,937	15.1	250,757

¹ Tidak termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: BNM.

Julai 1997. Mod kadar faedah deposit tabungan meningkat kepada 3.50% setahun pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan 2.00% pada akhir tahun 1996. Kadar purata harian berwajaran antara bank bagi kebanyakan tempoh matang meningkat kepada lingkungan 7.75% hingga 11.44% setahun pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan lingkungan 7.15% hingga 7.37% setahun pada akhir tahun 1996. Seajar dengan peningkatan kadar antara bank pasaran wang, kos dana purata telah meningkat sebanyak 55 mata asas daripada 5.30% setahun pada akhir tahun 1996 kepada 5.85% setahun pada akhir bulan Julai 1997. Sementara itu, kadar pinjaman purata juga meningkat kepada 10.85% setahun pada akhir bulan Julai 1997 daripada 10.20% setahun pada akhir tahun 1996. Memandangkan kadar pinjaman

purata berkembang lebih cepat secara relatifnya berbanding dengan pertumbuhan kos dana purata, margin kadar faedah kasar mengembang dengan sebanyak 10 mata asas daripada 4.90% pada akhir tahun 1996 kepada 5.00% pada akhir bulan Julai 1997.

Bank perdagangan terus menyediakan kemudahan kredit kepada **sektor yang diberi keutamaan** seperti kepada masyarakat perniagaan Bumiputera, perumahan, perusahaan berskala kecil di bawah Skim Jaminan Utama Baru (SJUB), Syarikat Jaminan Kredit (CGC). Seperti yang dikehendaki oleh Garispanduan Pinjaman, bank perdagangan diperlukan memperoleh sekurang-kurangnya RM1 bilion jaminan perlindungan daripada CGC ke atas pinjaman-pinjaman yang kurang daripada RM500,000, bagi setiap pinjaman dimana sekurang-kurangnya separuh daripada peruntukan kouta tersebut hendaklah diberikan kepada peminjam Bumiputera. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, pinjaman oleh peminjam Bumiputera berkurangan sebanyak 2.3% atau RM1,440 juta, berbanding dengan peningkatan 14.3% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pada akhir bulan Julai 1997, jumlah pinjaman yang disalurkan kepada masyarakat Bumiputera berjumlah RM67,707 juta atau 38.3% daripada jumlah pinjaman, melebihi daripada sasaran keperluan sebanyak 30.0% yang ditetapkan oleh Garispanduan. Sejumlah besar pinjaman disalurkan bagi tujuan pembelian saham/stok (RM46,467 juta atau 18.5%), diikuti oleh sektor harta benda yang luas (RM8,698 juta atau 3.4%) dan sektor kewangan dan perniagaan (RM3,096 juta atau 1.2%). Pada akhir bulan Julai 1997, bank perdagangan telah membiayai pembelian 69,198 unit rumah berharga RM100,000 dan kebawah atau 69.2% daripada sasaran (sekurang-kurangnya 100,000 unit rumah). Seajar dengan pinjaman dibawah jaminan perlindungan SJUB oleh CGC, bank perdagangan telah menyalurkan pinjaman sebanyak RM1.8 bilion berbanding keperluan sebanyak RM1 bilion yang perlu dipatuhi pada 31 Mac 1998.

Pada akhir bulan Julai 1997, bilangan bank perdagangan yang beroperasi di seluruh negara berjumlah 35 buah, di mana 22 buah merupakan bank tempatan manakala 13 buah yang lain merupakan bank yang dikuasai oleh pihak asing. Jumlah bilangan pejabat cawangan bank tempatan meningkat daripada 1,442 buah pada akhir bulan Julai 1996 kepada 1,480 buah pada akhir bulan

Julai 1997. Sementara itu, pejabat cawangan bank di bawah penguasaan asing pula kekal sebanyak 144 buah. Pada akhir bulan Julai 1997, sebanyak 10 buah bank perdagangan telah diberi status Kumpulan -1. Bank perdagangan status Kumpulan -1 dibenarkan menjalankan beberapa aktiviti tambahan tertakluk kepada garis panduan berhemat dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh BNM (akhir 1996: 11 buah bank). Aktiviti-aktiviti ini termasuk menerbitkan IDB sehingga lima kali ganda dana modal mereka; menyertai pasaran derivatif ekuiti; mengambil bahagian dalam aktiviti peminjaman dan pemberian pinjaman sekuriti tertakluk kepada kelulusan Suruhanjaya Sekuriti; dan memperluaskan operasi mereka menerusi penubuhan pejabat-pejabat cawangan, pejabat perwakilan, anak syarikat dan syarikat usahasama.

Bank perdagangan terus membiayai pinjaman untuk eksport dibawah **Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport (ECR)**. BNM memberi pembiayaan semula pada kadar faedah istimewa melalui bank-bank perdagangan kepada pengeksport langsung dan tidak langsung yang berkelayakan dengan tujuan untuk menggalakkan pengeksportan barang-barang keluaran perkilangan, keluaran pertanian dan komoditi utama yang terpilih yang mempunyai nilai ditambah yang ketara dan yang menggunakan sumber-sumber tempatan. Jumlah pembiayaan ECR merosot sebanyak 45.0% atau RM3,330 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (di mana RM1,625 juta adalah untuk pasca-penghantaran dan RM2,431 juta adalah untuk pra-penghantaran), berbanding dengan RM7,388 juta dalam tempoh masa yang sama tahun 1996. Sebahagian besar daripada kredit ini adalah untuk keluaran mekanikal dan elektrik (39.6%) diikuti oleh keluaran getah (17.6%) dan sektor minyak sawit (13.7%). Kadar semasa ECR (termasuk skim tanpa faedah) kekal tidak berubah sebanyak 7.70% setahun berkuatkuasa dari 1 April 1996.

Perbankan Islam

Perbankan Islam telah mengalami bagi setahun lagi pertumbuhan yang memberangsangkan dengan pertambahan bilangan institusi kewangan yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam. Pada akhir bulan Julai 1997, selain daripada BIMB, sejumlah 24 buah bank perdagangan, 22 buah syarikat kewangan dan 5 buah bank saudagar

menawarkan perkhidmatan perbankan Islam dibawah Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) berbanding dengan 24 buah bank perdagangan, 19 buah syarikat kewangan dan 3 buah bank saudagar. Jumlah aset sistem perbankan Islam meningkat 29.6% kepada RM13,132 juta pada akhir bulan Julai 1997, manakala jumlah deposit yang dikumpulkan meningkat sebanyak 26.3% kepada RM9,175 juta. Jumlah pembiayaan yang disalurkan oleh Sistem Perbankan Islam berkembang sebanyak 22.0% kepada RM7,492 juta. Sebahagian besar daripada deposit adalah dalam bentuk deposit pelaburan am (RM3,451 juta) dan deposit pelaburan khusus (RM1,402 juta). Pada masa yang sama, deposit tabungan dan tabungan semasa meningkat dengan ketara sebanyak 23.5% dan 69.7%. Dari segi sektor, 35.6% atau RM481 juta daripada pembiayaan baru disalurkan kepada sektor pembinaan dan hartanah, 22.8% atau RM307 juta kepada sektor perumahan dan 14.2% atau RM192 juta kepada sektor pengangkutan dan penyimpanan. Pada tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, urusniaga pasaran wang antara bank secara Islam (IIMM) mencatatkan peningkatan sebanyak RM91,028 juta berbanding dengan RM27,071 juta pada tempoh yang sama tahun 1996. Urusniaga dalam BA secara Islam bernilai RM1,367 juta pada akhir bulan Julai 1997, manakala BA Hijau bernilai RM11,878 juta.

Majlis Penasihat Syariah (SAC) bagi perbankan Islam dan syarikat Takaful telah ditubuhkan pada bulan Mei 1997. Objektif utama SAC adalah sebagai badan berkuasa tunggal untuk menasihati BNM berhubung dengan isu-isu Syariah yang berkaitan dengan perbankan Islam dan operasi syarikat Takaful; untuk menganalisa produk baru yang dikemukakan oleh BIMB, bank yang menyertai SPTF dan syarikat Takaful dan menyelaraskan konsep-konsep Islam bagi produk kewangan yang sedia ada. MPS dianggotai oleh 10 orang ahli, termasuk seorang ulama luar negeri yang dilantik untuk memperkukuhkan kredibiliti dan pengiktirafan SAC di peringkat antarabangsa. Pada bulan Oktober 1996, BNM telah memperkenalkan contoh penyata kewangan baru untuk institusi kewangan yang mana pendedahan operasi perbankan Islam kini dimasukkan sebagai subset kepada penyata kewangan utama yang disediakan atas prinsip konvensional. Objektif garis panduan ini adalah untuk mempamerkan ketelusan dan pendedahan operasi perbankan Islam. Selaras dengan garis panduan Pembangunan Perbankan

Islam, baru ini, BNM telah menukar dasar pengiktirafan pendapatan untuk operasi SPTF daripada asas tunai kepada asas akrual bagi memastikan pendekatan yang setara di dalam dasar perakaunan diantara operasi SPTF dengan insituti perbankan induk mereka. Walau bagaimanapun, BIMB telah dibenarkan untuk terus mengamalkan prinsip perakaunan tunai bagi pengiktirafan pendapatan. Institusi SPTF yang layak kini dibenarkan untuk menubuhkan cawangan perbankan Islam sepenuhnya. Sebelum ini, kemudahan dan produk perbankan Islam hanya ditawarkan melalui 'jendela' perbankan Islam dalam cawangan konvensional. Di bawah cawangan perbankan Islam sepenuhnya, institusi perbankan SPTF diharapkan akan memberi lebih tumpuan serta menambahkan lebih sumber bagi memperkembangkan perbankan Islam. Langkah ini di jangka akan melahirkan sejumlah kakitangan yang berpengalaman dan mahir bagi membangunkan lagi perbankan Islam.

Syarikat-syarikat Kewangan

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, jumlah sumber syarikat kewangan meningkat selaras dengan pertumbuhan ekonomi. **Jumlah sumber** (terutamanya rizab dan modal, deposit dan peminjaman dari lain-lain institusi kewangan) yang digerakkan oleh syarikat kewangan meningkat dengan ketara sebanyak 18.2% kepada RM141,326 juta pada akhir Julai 1997 daripada RM119,610 juta pada tempoh yang sama tahun 1996. Peningkatan jumlah sumber adalah disebabkan oleh pertumbuhan pesat deposit yang mana sebahagian besarnya digunakan untuk membiayai operasi pinjaman. **Jumlah deposit** syarikat kewangan meningkat sebanyak 15.9% kepada RM105,237 juta pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan 16.9% pada tempoh yang sama tahun 1996, mencerminkan kenaikan kadar faedah deposit tetap (lihat Jadual 9.3). Selaras dengan peningkatan sumber, operasi pinjaman syarikat kewangan juga berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jumlah pinjaman yang disalurkan kepada pelbagai sektor dalam ekonomi berkembang sebanyak 18.4% kepada RM97,651 juta pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 14.8% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Deposit baru yang digerakkan oleh syarikat kewangan meningkat sebanyak RM14,465 juta

dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997, berbanding dengan RM11,814 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996, dengan para pendeposit terdiri daripada pelanggan-pelanggan lain (41.8% daripada jumlah deposit), badan-badan perniagaan (16.3%), institusi-institusi kewangan (12.3%) dan Kerajaan dan badan-badan berkanun (11.0%). Sebahagian besar (92.0%) daripada deposit baru adalah dalam bentuk deposit tetap yang meningkat sebanyak 19.8% daripada akhir tahun 1996 kepada RM80,597 juta pada akhir Julai 1997. Ini adalah disebabkan oleh kadar faedah yang ditawarkan tinggi untuk deposit tetap.

Walaupun bagaimanapun, deposit tabungan merosot sebanyak 6.8% atau RM375 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 0.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996. IDB yang dikekalkan oleh syarikat kewangan meningkat dengan kadar yang lebih perlahan, sebanyak 3.1% pada tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 42.7% pada tempoh yang sama tahun 1996. Pada akhir bulan Julai 1997, deposit syarikat kewangan berjumlah sebanyak RM105,307 juta, menyumbang 26.3% dari jumlah sumber sistem perbankan. Daripada jumlah ini, 76.5% terdiri daripada deposit tetap, manakala IDB dan deposit tabungan menyumbangkan 14.7% dan 4.8% daripada jumlah keseluruhan deposit pada akhir bulan Julai 1997.

Jadual 9.3

Syarikat Kewangan: Deposit

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1997
	1996		1997		
	Januari-Julai		Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit tabungan	44	0.9	-375	-6.8	5,117
Deposit tetap	7,212	13.3	13,309	19.8	80,597
Deposit khas	1	1.6	15.1	172.4	238
IDB ¹	3,724	42.7	470	3.1	15,444
Repo	833	44.6	910	30.3	3,911
JUMLAH	11,814	16.9	14,465	15.9	105,307

¹ Instrument deposit boleh niaga.

Sumber: BNM.

Selaras dengan pertambahan permintaan untuk kemudahan pembiayaan kewangan oleh sektor swasta, **aktiviti pinjaman** syarikat kewangan terus meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama 1997. Jumlah pinjaman dan pendahuluan terus meningkat sebanyak 18.4% atau RM15,154 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 14.8% dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti di Jadual 9.4. Pinjaman yang disalurkan kepada perdagangan am meningkat sebanyak 63.0% (RM1,426 juta), pembinaan dan hartanah sebanyak 15.7% (RM2,373 juta) dan sektor perkilangan sebanyak 7.4% (RM372 juta) dari jumlah pinjaman baru. Pemberian pinjaman kepada individu meningkat sebanyak 19.6% atau RM8,854 juta kepada RM54,114 juta pada akhir bulan Julai 1997. Dari peningkatan tersebut, 25.7% (RM8,224 juta) adalah untuk tujuan penggunaan dan 15.3% (RM899 juta) untuk pembelian stok dan saham. Memandangkan pertambahan pinjaman mengatasi pertambahan dalam deposit, **nisbah pinjaman deposit** syarikat kewangan meningkat kepada 92.8% pada akhir bulan Julai 1997 (akhir 1996: 90.8%).

Mencerminkan keadaan kecairan, mod deposit tetap syarikat kewangan bagi semua tempoh matang meningkat dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Kadar mod bagi sebulan meningkat sebanyak 120 mata asas kepada 8.50% setahun dan deposit tiga-bulan meningkat sebanyak 70 mata asas kepada 8.00% setahun pada akhir bulan Julai 1997 (Julai 1996: 7.35% dan 7.40%). Kadar enam dan dua belas-bulan juga telah meningkat kedua-duanya pada kadar yang sama sebanyak 25 mata asas kepada 7.60% (akhir 1996: 7.35%). Mod kadar deposit tabungan meningkat dalam lingkungan 5.00% kepada 6.25% setahun pada akhir bulan Julai 1997 dari lingkungan 4.00% kepada 5.50% setahun pada akhir tahun 1996.

Selaras dengan kenaikan kadar deposit tetap, **kos deposit purata** syarikat kewangan meningkat dari 7.08% pada Disember 1996 kepada 7.59% setahun pada akhir Julai tahun 1997. Begitu juga dengan kadar pinjaman purata yang mencatatkan kenaikan sebanyak 51 mata asas kepada 12.00% setahun pada akhir bulan Julai 1997 dari 11.49% setahun pada akhir tahun 1996. Dengan peningkatan kadar pinjaman purata meningkat pada kadar yang sama dengan kos deposit purata, margin faedah kasar berada pada 4.41% pada akhir bulan Julai 1997. Selaras dengan peningkatan

Jadual 9.4

Syarikat Kewangan: Haluan Pemberian Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1997 RM juta
	1996 Januari-Julai		1997 Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	
Pertanian	136	14.2	-18	-1.5	1,149
Perombongan dan kuari	3	1.4	107	35.2	412
Perkilangan	409	10.2	372	7.4	5,371
Pembinaan	1,093	25.0	1,752	31.6	7,305
Hartanah	794	23.5	603	11.2	5,965
Individu yang mana:	3,943	11.0	8,854	19.6	54,114
Kredit penggunaan	3,930	17.0	8,224	25.7	40,180
Pembelian stok/ saham	-235	-4.5	899	15.3	6,781
Perumahan*	248	3.4	-269	-3.6	7,153
Perdagangan am	224	14.5	1,426	63.0	3,689
Pelbagai	2,676	21.3	2,058	11.7	19,646
JUMLAH	9,278	14.8	15,154	18.4	97,651

* Tidak termasuk pinjaman perumahan yang dijual kepada Cagamas Berhad.

Sumber: BNM.

kos deposit purata, mod BLR syarikat kewangan naik kepada 11.02% setahun pada akhir bulan Julai 1997 dari 10.80% setahun pada akhir 1996.

Dari segi pembiayaan kepada **sektor-sektor yang diberi keutamaan** seperti yang terkandung dalam Garis Panduan Pemberian Pinjaman BNM, pemberian pinjaman kepada masyarakat Bumiputera adalah sebanyak RM33,876 juta (52.4%) daripada jumlah keseluruhan pinjaman pada akhir bulan Julai 1997. Bagi pemberian pinjaman kepada individu untuk membeli rumah berharga RM100,000 dan ke bawah seunit, syarikat kewangan secara keseluruhannya, telah mematuhi syarat pembiayaan minimum iaitu untuk membiayai sekurang-kurangnya separuh daripada 40,000 unit rumah sebelum akhir Mac 1997. Pada bulan Julai 1997, syarikat-syarikat kewangan sebagai satu kumpulan telah membiayai pembelian sejumlah 34,058 unit rumah-rumah sedemikian.

Sistem kawalan dua kumpulan yang diperkenalkan bagi meliputi bank perdagangan (Disember 1994) dan bank saudagar (Disember 1995) telah diperluaskan liputannya kepada syarikat kewangan pada bulan April 1996. Untuk diklasifikasikan di bawah Kumpulan-1, syarikat kewangan haruslah mempunyai jumlah dana pemegang saham bernilai RM300 juta. Tambahan pula, syarikat kewangan dikehendaki meningkatkan dana ini kepada RM600 juta menjelang akhir tahun 1998 dan seterusnya mencapai modal berbayar minimum sebanyak RM600 juta menjelang akhir tahun 2000. Tertakluk kepada had panduan berhemat dan syarat-syarat yang dikenakan oleh BNM, syarikat kewangan dalam Kumpulan-1 dibenarkan menjalankan bidang aktiviti yang lebih meluas seperti termasuk perniagaan pemfaktoran, menyediakan perkhidmatan wang kiriman di dalam negara yang termasuk juga cek pengeluaran jurubank, draf semasa, pemindahan telegrafik dan arahan pembayaran. Walau bagaimanapun, syarikat kewangan hanya dibenarkan untuk menggunakan cek bank perdagangan yang dimiliki oleh kumpulan induk yang sama atau cek bank perdagangan dalam Kumpulan-1; menyertai dalam dana-dana khas yang ditadbir oleh BNM (umpamanya Tabung Untuk Makanan, Tabung Khas Pelancongan, Tabung Usahawan Baru dan Tabung Industri Bumiputera); memberi pinjaman perniagaan tanpa cagaran sehingga RM500,000 kecuali bagi pinjaman persendirian yang tetap dihadkan kepada paras maksimum sedia ada sebanyak RM10,000; menceburi perniagaan pembiayaan modal teroka melalui anak syarikatnya, atau bagi syarikat kewangan di dalam sebuah kumpulan melalui anak syarikat teroka modal bagi kumpulan berkenaan dan menerbitkan IDB sehingga lima kali ganda dana modal mereka. Sehingga akhir bulan Julai 1997, empat buah syarikat kewangan telah diberi status Kumpulan-1.

Bilangan syarikat kewangan yang beroperasi di seluruh negara pada akhir bulan Julai 1997 berkurangan kepada 39 buah, di mana 11 buah adalah anak syarikat milik penuh bank perdagangan tempatan dan empat buah yang lain adalah anak syarikat bank perdagangan asing yang diperbadankan di Malaysia. Dalam tempoh ini, syarikat kewangan menubuhkan sebanyak 23 buah lagi cawangan baru.

Bank Saudagar

Aktiviti perantaraan kewangan bank saudagar terus berkembang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jumlah sumber yang digerakkan oleh bank saudagar daripada **aktiviti berasaskan dana** meningkat sebanyak RM9,597 juta kepada RM43,601 juta pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM1,958 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar jumlah sumber baru yang digerakkan mengandungi simpanan deposit oleh badan korporat dan IDB yang dikeluarkan oleh bank saudagar. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, **deposit baru** yang di simpan oleh institusi kewangan meningkat dengan kadar yang perlahan sebanyak RM519.8 juta atau 5.1%, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM2,778 juta atau 46.9% pada tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar jumlah deposit mengandungi deposit tetap jangka pendek bagi tempoh matang sehingga enam bulan. **Jumlah deposit** (termasuk repo) yang digerakkan oleh bank saudagar meningkat daripada RM2,998 juta pada akhir tahun 1996 kepada RM26,529 juta pada akhir bulan Julai 1997. Pada akhir bulan Julai 1997, bahagian deposit yang digerakkan oleh bank saudagar sebagai peratusan kepada jumlah deposit sistem perbankan meningkat sedikit kepada 6.6% daripada 6.5% pada akhir tahun 1996.

Dari segi **operasi pemberian pinjaman**, jumlah pinjaman yang disalurkan oleh bank saudagar meningkat dengan kadar yang lebih perlahan iaitu 11.5% atau RM2,170 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 15.6% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini terutamanya disebabkan oleh peningkatan pinjaman sektor swasta, iaitu sebanyak RM2,121 juta manakala pinjaman kepada sektor awam turun sebanyak RM92 juta. Pinjaman kepada sektor swasta mewakili 98.4% daripada jumlah pinjaman yang disalurkan oleh bank saudagar pada akhir bulan Julai 1997, manakala pinjaman kepada sektor awam merangkumi sebanyak 0.4%.

Sebahagian besar pinjaman adalah dalam bentuk pinjaman berjangka yang bernilai RM11,039 juta atau 52.4% daripada jumlah pinjaman bank saudagar pada akhir bulan Julai 1997. Sejumlah besar pinjaman baru atau 78.2% bernilai RM1,697 juta disalurkan kepada sektor harta benda yang

Jadual 9.5

Bank Saudagar: Deposit Dan Pinjaman

	Perubahan dalam jangka masa				Pada akhir bulan Julai 1997
	1996 Januari-Julai		1997 Januari-Julai		
	RM juta	%	RM juta	%	RM juta
Deposit					
Deposit tetap	3,797.4	37.8	3,174.2	20.9	18,330.2
Bank Perdagangan	421.7	74.4	-223.2	-19.9	900.3
Syarikat Kewangan	-101.4	-32.5	20.7	8.5	264.2
Badan Korporat	2,731.7	36	2,207.9	19.9	13,283.7
Lain-lain ¹	690.2	48.8	952.9	38.3	3,442.3
NIF	55.2	31.3	216.2	96.7	439.7
Repo	-802.5	-30.1	282.3	11.9	2,656.2
IDB	1,737.4	51.4	-458.1	-7.6	5,542.7
JUMLAH	4,732.4	29.4	2,998.4	12.7	26,529.1
Pinjaman					
Pinjaman berjangka	1,494.5	19.4	1,417.2	14.7	11,039.5
Bil-bil perdagangan termasuk BA)	-106.8	-14.6	26.5	4.3	636.8
Pelbagai	811.8	14.3	727.2	8.4	9,386.9
JUMLAH	2,199.5	15.6	2,170.9	11.5	21,062.2

¹ Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.

Sumber: BNM.

¹ Termasuk bank saudagar dan institusi kewangan yang lain.

Sumber: BNM.

luas, RM77.1 juta atau 11.1% kepada perdagangan am, diikuti dengan RM592 juta atau 8.1% kepada sektor kewangan, insurans dan perniagaan. Sementara itu, pinjaman kepada sektor perkilangan menyusut RM330.6 juta atau 12.2% kepada RM2,375 juta pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan peningkatan sebanyak 3.9% pada tempoh yang sama tahun 1996.

Selaras dengan pertambahan deposit (12.7%) yang lebih pesat berbanding dengan pertumbuhan pinjaman (11.5%), **nisbah pinjaman-deposit** bank saudagar berada pada tahap 79.4% pada akhir bulan Julai 1997, merosot sedikit daripada akhir tahun 1996 iaitu sebanyak 80.3%. **Purata nisbah kecairan** bank saudagar meningkat sebanyak 15.8% dalam tempoh akhir bulan Julai 1997 daripada 15.2% pada akhir tahun 1996. Dengan peningkatan kadar deposit tetap, kos purata deposit bank saudagar meningkat sebanyak 8.12% pada akhir bulan Julai 1997 berbanding dengan 7.18%

pada akhir tahun 1996, manakala kadar purata pinjaman bertambah daripada 10.86% pada akhir tahun 1996 kepada 12.43% pada akhir bulan Julai 1997. Ini menyebabkan margin kadar faedah kasar bank saudagar bertambah sebanyak 63 mata asas kepada 4.31% pada akhir bulan Julai 1997 berbanding sebanyak 3.68% pada akhir tahun 1996.

Aktiviti bank saudagar berasaskan fi terus berkembang dengan pesat dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 selaras dengan pertambahan permintaan bagi perkhidmatan perantaraan. Jumlah pendapatan dari aktiviti berasaskan fi meningkat sebanyak 51.4% kepada RM308 juta, berbanding dengan 31.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dengan perkembangan pasaran modal, bank saudagar telah menaja jamin 155 terbitan sekuriti dengan nilai agregat sebanyak RM4.4 bilion berbanding dengan 108 terbitan sekuriti bernilai RM13.1 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pada masa yang sama, bank saudagar bertindak sebagai penasihat korporat dari segi pengambilalihan, pergabungan dan penyediaan kajian kemungkinan untuk 237 pelanggan korporat. Jumlah fi yang dihasilkan dari aktiviti pengurusan portfolio yang dijalankan oleh bank saudagar meningkat kepada RM19 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM10.2 juta yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar pendapatan yang berasaskan fi diperolehi terutamanya daripada aktiviti pengurusan pinjaman konsortium bersindiket (RM81 juta), perkhidmatan penasihat korporat (RM56 juta) dan menaja jamin (RM54 juta). Pada akhir bulan Julai 1997, jumlah bank saudagar yang beroperasi diseluruh negara kekal sebanyak 12 buah dengan 24 cawangan beroperasi diseluruh negara. **Jumlah aset** bank saudagar meningkat sebanyak 28.2% dari akhir tahun 1996 kepada RM43,605 juta pada akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan 7.2% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Sistem kawalan - dua kumpulan yang telah diperkenalkan kepada bank perdagangan telah diperluaskan bagi meliputi bank saudagar, berkuatkuasa mulai Disember 1995. Bank saudagar yang memenuhi kriteria penarafan dari segi modal, aset, pengurusan, pendapatan dan kecairan (CAMEL), memiliki dana pemegang saham minimum sebanyak RM250 juta dan mengambil

bahagian secara aktif dalam aktiviti berasaskan fi akan diklasifikasikan sebagai institusi Kumpulan-1. Sebagai institusi Kumpulan-1, tertakluk kepada garis panduan berhemat BNM dan bank saudagar dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut : kegiatan pertukaran mata wang asing bagi akaun mereka sendiri dan menawarkan perkhidmatan pertukaran asing kepada pelanggan yang layak, mengambil bahagian dalam pasaran derivatif tempatan dan antarabangsa, melabur dalam saham bukan amanah yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) serta di bursa saham negara-negara ASEAN (tertakluk kepada tahap yang telah ditetapkan), menerima simpanan tetap daripada individu-individu (tertakluk kepada jumlah minimum RM1 juta), mengeluarkan IDB sehingga lima kali ganda dana modal mereka dan memperluaskan operasi mereka di luar negara melalui penubuhan cawangan, anak syarikat ataupun syarikat usahasama. Pada akhir bulan Julai 1997, terdapat empat buah bank saudagar telah diberi status sebagai institusi Kumpulan-1.

Syarikat Diskaun

Prestasi keseluruhan syarikat diskaun adalah sederhana dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. **Jumlah sumber** syarikat diskaun meningkat sebanyak 13.0% pada akhir tahun 1996 kepada RM19,384 juta pada akhir bulan Julai 1997. Jumlah deposit (termasuk repo) yang digerakkan oleh syarikat diskaun meningkat sebanyak 13.0% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 20.9% yang di catatkan dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar deposit baru disumbangkan oleh bank perdagangan berjumlah RM840.2 juta, manakala deposit institusi kewangan lain berjumlah RM1,547 juta.

Jumlah pelaburan oleh syarikat diskaun mencatatkan kenaikan yang perlahan sebanyak 5.7% pada akhir tahun 1996 kepada RM17,038 juta pada tempoh akhir bulan Julai 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 30.3% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dari segi komponen, pelaburan dalam Sekuriti Hutang Swasta (PDS) meningkat sebanyak 24.0% kepada RM11,373 juta (Januari-Julai 1996: RM3,427 juta), sementara pelaburan dalam BAs turun sebanyak 4.0% kepada RM4,284 juta (Januari-Julai 1996: +RM160 juta). Pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan

Malaysia (MGS) terus merosot sebanyak 27.0% (Januari-Julai 1996: -RM33 juta) disebabkan oleh peralihan kepada instrumen berpulangan tinggi seperti PDS. Pelaburan di dalam bon Cagamas dan IDB juga merosot kepada 18.4% dan 24.3% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan kenaikan sebanyak 29.1% dan 19.3% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Institusi-institusi Pembiayaan Pembangunan

Institusi-institusi pembiayaan pembangunan (IPP) adalah agensi-agensi Kerajaan yang khusus untuk menyediakan pinjaman jangka sederhana dan panjang bagi membiayai pelaburan modal industri-industri baru serta usahawan dalam sektor perindustrian. Lima buah IPP utama negara terdiri daripada Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad (MIDF), Bank Industri Malaysia Berhad (Bank Industri), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (Bank Pembangunan), Bank Pembangunan Sabah Berhad (SDB) dan Bank Pertanian Malaysia (Bank Pertanian). Pada akhir bulan Jun 1997, **jumlah sumber** IPP meningkat sebanyak 7.6% kepada RM12,249 juta daripada akhir tahun 1996, berbanding dengan peningkatan sebanyak 6.0% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan peminjaman sebanyak 7.0% yang merupakan kategori pembiayaan terbesar berjumlah RM4,611 juta atau 37.6% daripada jumlah sumber IPP.

Selain dari Bank Pembangunan, prestasi jumlah sumber IPP secara individu meningkat seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6. Jumlah sumber Bank Industri meningkat sebanyak 10.9% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM1,936 juta (Januari-Jun 1996: 6.9%), terutamanya disebabkan oleh peningkatan 50.1% dana pemegang saham. Begitu juga dengan jumlah sumber kedua-dua Bank Pertanian dan MIDF yang masing-masing meningkat sebanyak 10.1% dan 9.3% kepada RM4,514 juta dan RM2,224 juta (Januari-Jun 1996: masing-masing sebanyak 3.1% dan 20.0%), manakala jumlah sumber SDB pula meningkat sebanyak 6.7% kepada RM1,426 juta (Januari-Jun 1996: 23.8%). Namun demikian, jumlah sumber Bank Pembangunan terus merosot sebanyak 0.8% kepada RM2,150 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 10.0% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Jadual 9.6

**Institusi-institusi Pembiayaan
Pembangunan**
(pada akhir tempoh)

<i>Institusi</i>	<i>1996</i>	<i>Jun 1997</i>
Jumlah Sumber¹ (RM juta)		
Bank Pertanian Malaysia	4,098	4,514
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	2,167	2,150
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	2,035	2,224
Bank Industri Malaysia Bhd.	1,746	1,936
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	1,336	1,426
Kadar Faedah Purata (%)		
Bank Pertanian Malaysia		
Kadar konsesi	4.00	4.00
Kadar komersil	0-4 melebihi BLR ²	0-4 melebihi BLR ²
Bank Pembangunan Malaysia Bhd.	7.43	7.75
Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Bhd.	9.75	9.75
Bank Industri Malaysia Bhd.		
Pembaikan kapal	6.00-9.45	6.00-9.45
Pembinaan kapal	6.00-9.45	6.00-9.45
Infrastruktur limbungan	9.00	9.50
Bank Pembangunan Sabah Bhd.	11.30	11.55

¹ Termasuk dana pemegang saham, pinjaman jangka pendek dan panjang serta deposit

² Kadar Pemberian Pinjaman Asas

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan Sabah Berhad.

Jumlah **pinjaman baru** yang dikeluarkan oleh IPP terus merosot sebanyak 24.9% kepada RM1,448 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 13.5% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dari segi pemberian pinjaman mengikut sektor, pinjaman kepada sektor perkilangan mencatatkan peningkatan ketara sebanyak 34.5% kepada RM635 juta. Namun demikian, pinjaman kepada kesemua sektor lain seperti perlombongan dan kuari (-100.0%), pertanian (-56.5%) dan industri perkapalan (-32.8%) merosot berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar pinjaman IPP ini disalurkan kepada sektor

perkilangan (43.9%), pertanian (15.8%) serta hartanah dan pembinaan (11.9%), manakala 10.8% disalurkan kepada industri perkapalan dan bakinya sebanyak 17.6% disalurkan kepada sektor-sektor lain (termasuk kredit dagangan dan lain-lain) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.7.

Aktiviti pemberian pinjaman tiap-tiap satu IPP merosot dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 1996. Pinjaman baru yang diluluskan oleh Bank Pertanian menyusut dengan ketara sebanyak 53.9% kepada RM229.0 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 (Januari-Jun 1996: RM496.9 juta), manakala pinjaman baru SDB merosot sebanyak 39.4% (Januari-Jun 1996: RM416.5 juta). Begitu juga dengan kredit yang diluluskan oleh MIDF yang menyusut sebanyak 6.9% kepada RM311.1 juta, berbanding dengan RM334.1 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sementara itu, pinjaman yang diluluskan oleh Bank Industri bernilai RM250.2 juta, manakala pinjaman yang diluluskan oleh Bank Pembangunan pula berjumlah RM405.0 juta, mencerminkan penyusutan sebanyak 4.4% dan 3.1%. Jumlah keseluruhan pinjaman IPP bernilai RM6,773.3 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan RM6,544.5 juta pada akhir tahun 1996. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.6, kadar faedah purata yang dikenakan oleh IPP berbeza-beza di antara lingkungan 4.00% hingga 11.55% setahun.

IPP terus memainkan peranan sebagai agensi pelaksana bagi pelbagai skim bantuan khusus. Salah satu skim tersebut adalah **Tabung Penyelarasan Perindustrian (TPP)** yang telah dilancarkan pada 5 Februari 1991 dengan jumlah peruntukan sebanyak RM500 juta. TPP telah ditubuhkan dengan tujuan untuk merasionalisasi dan menyusun semula syarikat-syarikat yang wujud sebelum 31 Disember 1990 dalam tiga industri terpilih (iaitu mesin dan kejuruteraan, industri berasaskan kayu-kayan dan industri tekstil) melalui pergabungan, pengambilalihan, penempatan semula dan pelbagaian. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, lima permohonan bernilai RM32.3 juta telah diluluskan (tiada permohonan baru yang diluluskan dalam tempoh yang sama tahun 1996). Seterusnya, sejumlah 26 permohonan dengan nilai agregat sebanyak RM106.1 juta telah diluluskan pada akhir bulan Julai 1997, manakala sebanyak RM68.7 juta telahpun dikeluarkan.

Jadual 9.7**Haluan Pemberian Pinjaman oleh IPP**

	1996	1997 ^a	Perubahan Dalam Jangka Masa %
	(Januari-Jun) RM juta		
Perkilangan	472	635	+34.5
Perkapalan	232	156	-32.8
Pertanian	527	229	-56.5
Hartanah dan pembinaan	246	173	-29.7
Perlomongan dan kuari	12	0	-100.0
Lain-lain	439	255	-41.9
JUMLAH	1,928	1,448	-24.9

^a Data awalan

Sumber: Bank Pertanian Malaysia, Bank Pembangunan Malaysia Berhad, Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia Berhad, Bank Industri Malaysia Berhad dan Bank Pembangunan abah Berhad.

Tabung Pemulihan Usahawan (TPU) yang telah ditubuhkan pada tahun 1988 bertujuan untuk menyediakan bantuan kewangan kepada syarikat-syarikat Bumiputera yang berdaya maju tetapi mengalami masalah berikutan kemelesetan ekonomi tahun 1985/86. Dengan bayaran balik daripada lima permohonan yang telah diluluskan sebelum ini, jumlah nilai keseluruhan permohonan yang diluluskan dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 menyusut sebanyak RM8.2 juta berbanding dengan peningkatan sebanyak RM60,519 dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pada akhir bulan Jun 1997, sebanyak 121 permohonan dengan jumlah nilai sebanyak RM421.6 juta telahpun diluluskan, dan sebanyak RM399.1 juta telah dikeluarkan. Sebahagian besar daripada pinjaman ini telah disalurkan kepada sektor perumahan (RM274.0 juta), diikuti oleh sektor pembinaan (RM56.9 juta), sektor hartanah (RM53.0 juta) dan sektor perkilangan (RM30.2 juta).

Tabung Pembangunan ASEAN-Jepun (AJDF) merupakan satu lagi skim yang bertujuan untuk membangunkan industri-industri kecil dan sederhana di bawah pengurusan Bank Pertanian,

Bank Industri, Bank Pembangunan dan MIDF. Dana pusingan ini telah dilancarkan dalam bulan Januari 1989 dengan dana asalnya disumbangkan oleh Tabung Kerjasama Ekonomi Seberang Laut (OECF) dan Bank Eksport-Import Jepun (EXIM). Dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, agensi-agensi pelaksana IPP telah meluluskan sejumlah 382 permohonan bernilai RM71.3 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 254 permohonan dengan peningkatan nilai yang diluluskan sebanyak RM158.5 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Oleh itu, pada 30 Jun 1997, sebanyak RM1,759.1 juta bagi 4,513 projek telahpun diluluskan. Daripada jumlah ini, sebanyak RM1,372.2 juta disediakan oleh OECF, manakala bakiannya disumbangkan oleh EXIM.

Export Import Bank Malaysia Berhad (Bank Exim), sebuah subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Bank Industri, telah ditubuhkan pada 29 Ogos 1995 dengan matlamat untuk menyediakan sokongan institusi bagi menyelaraskan pengeksportan barangan perkilangan dan mempelbagaikan eksport, membantu Kerajaan menggalakkan pelaburan negara di luar negeri dalam pengeluaran barangan perkilangan berasaskan sumber dan pemprosesan keluaran pertanian di samping menggalakkan industri yang mempunyai nilai ditambah tinggi, berintensifkan modal dan yang berteknologi canggih. Semenjak penubuhannya, Bank EXIM telah meluluskan pinjaman dan jaminan bagi 49 projek bernilai RM1,157 juta pada akhir bulan Jun 1997. Bagi tahun berakhir 31 Disember 1996, Bank EXIM telah memperoleh pendapatan daripada operasinya sebanyak RM7.96 juta, bersamaan dengan 56.5% daripada jumlah pendapatannya sebanyak RM14.1 juta. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, pendapatan operasi Bank EXIM bernilai RM6.65 juta. Kemudahan Kredit Pembeli kekal sebagai penyumbang hasil terbesar, iaitu menyumbangkan 55.6% daripada jumlah pendapatan operasi Bank EXIM dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997.

Tabung Khas Pelancongan telah ditubuhkan oleh Kerajaan pada bulan Mac 1990 dengan tujuan untuk membiayai pembangunan projek-projek berkaitan pelancongan dengan peruntukan permulaan sebanyak RM120 juta. Agensi-agensi pelaksana bagi tabung ini termasuk bank perdagangan, bank saudagar dan IPP. Memandangkan kepada sambutan yang menggalakkan di samping untuk menampung

permohonan baru yang kian meningkat, agensi pelaksana telah memperuntukkan jumlah dana yang melebihi peruntukan awal berjumlah RM241.7 juta pada akhir bulan Julai 1997. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, sejumlah 17 permohonan bernilai RM22.8 juta telah diluluskan (Januari-Julai 1996: 6 permohonan bernilai RM7.3 juta). Oleh yang demikian, permohonan yang telah diluluskan pada akhir bulan Julai 1997 berjumlah 212 dengan nilai sebanyak RM241.7 juta. Daripada jumlah ini, RM180.4 juta telahpun dikeluarkan sehingga bulan Julai 1997. Sebahagian besar (62.6%) permohonan yang diluluskan disalurkan bagi pembinaan dan pengubahsuaian hotel murah dan chalet (25.0%).

Pinjaman yang telah diluluskan di bawah skim **Tabung Untuk Makanan** juga telah meningkat. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, 15 permohonan bernilai RM6.2 juta telahpun diluluskan (1996: 276 permohonan bernilai RM34.5 juta). Pada 30 Julai 1997, permohonan yang telah diluluskan berjumlah 1,049 dengan nilai sebanyak RM299.8 juta. Daripada jumlah ini, sebanyak RM273.9 juta telahpun dikeluarkan. Sejumlah besar pembiayaan yang diluluskan adalah untuk ternakan (RM162.9 juta), diikuti dengan penanaman sayuran dan buah-buahan (RM54.8 juta) dan pemprosesan makanan (RM35.7 juta). Baru-baru ini pihak Kerajaan telah mengumumkan kelulusan peruntukan sebanyak RM300 juta sebagai tambahan kepada peruntukan permulaan sebanyak RM300 juta di bawah tabung ini dan BNM telahpun mengeluarkan garis panduan baru mengenai dana tambahan ini pada 1 Ogos 1997.

Tabung Usahawan Baru (TUB), dengan peruntukan sebanyak RM750 juta telah dilancarkan pada bulan Disember 1989 dengan matlamat bagi menggalakkan lebih banyak usahawan kecil dan sederhana Bumiputera menceburi pelbagai bidang perniagaan. Dana ini telah digunakan sepenuhnya. Agensi-agensi pelaksana dana ini termasuk Bank Pembangunan, Bank Industri, MIDF dan 11 buah bank perdagangan. Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, sejumlah 56 permohonan bernilai RM24.3 juta telahpun diluluskan (1996: 101 permohonan bernilai RM74.7 juta). Oleh itu, permohonan yang telah diluluskan sehingga akhir bulan Julai 1997 berjumlah 2,055 dengan nilai sebanyak RM958.9 juta, di mana sebanyak RM854.3 juta telahpun dikeluarkan.

Institusi-institusi Kewangan Lain

Bank Simpanan Nasional

Jumlah sumber Bank Simpanan Nasional (BSN) merosot sebanyak 0.6% atau RM44 juta daripada akhir tahun 1996 kepada RM6,889 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 9.1% atau RM553 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh kemerosotan deposit sebanyak 1.6% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM5,827 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 5.0% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, **deposit baru** (termasuk sijil simpanan premium) yang digerakkan oleh BSN berjumlah RM1,387 juta, mencerminkan pertumbuhan yang lebih perlahan iaitu sebanyak 12.5% kepada RM12,521 juta berbanding peningkatan sebanyak 25.6% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebaliknya, jumlah pengeluaran meningkat sebanyak 15.3% kepada RM12,462 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak 22.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dengan ini, deposit di bawah skim ini mencatatkan pengurangan sebanyak RM59 juta (Januari-Jun 1996: RM323 juta).

Skim Simpanan **GIRO** masih kekal sebagai produk utama BSN. Sebahagian besar daripada deposit baru yang digerakkan oleh BSN adalah dalam bentuk skim simpanan Giro, iaitu mewakili 90.7% atau RM11,355 juta daripada jumlah deposit baru (Januari-Jun 1996: 88.6% atau RM9,870 juta). Begitu juga dengan pengeluaran yang berkembang sebanyak 16.9% kepada RM11,344 juta (Januari-Jun 1996: 25.7%). Oleh yang demikian, deposit bersih di bawah skim ini mencatatkan pengurangan ketara sebanyak RM11 juta (Januari - Jun 1996: RM166 juta). Perkhidmatan Arahan Giro Terjamin (GGO) yang telah diperkenalkan oleh BSN pada bulan Ogos 1993 untuk menyelaraskan permohonan pemegang akaun dan orang awam bagi terbitan saham-saham baru oleh MIDF Consultancy and Corporate Services Sdn. Bhd. dan Malaysian Issuing House menunjukkan ia sangat popular. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, sejumlah 226,703 GGO bernilai RM801.6 juta telah dikeluarkan, berbanding dengan sejumlah 144,574 GGO bernilai RM456.8 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sementara itu, skim **Simpanan Dari**

Pendapatan mencatatkan pengeluaran bersih sebanyak RM0.7 juta (RM0.8 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996), berikutan deposit (RM8.2 juta) yang terus merosot dan berada di bawah paras pengeluaran (RM8.9 juta). Namun demikian, skim **sijil simpanan premium** mencatatkan aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM63 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 (Januari-Jun 1996: RM93 juta) memandangkan penebusan sijil meningkat sebanyak 21.9% kepada RM120 juta, manakala pembelian sijil pula merosot sebanyak 4.0% kepada RM183 juta.

Selaras dengan kemerosotan jumlah sumber BSN, **pelaburan** turut menyusut sebanyak 5.2% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM4,798 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 9.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.8. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh kemerosotan sebanyak 15.6% dalam deposit jangka pendek dan panjang yang disimpan dengan sistem perbankan dalam tempoh separuh pertama tahun 1997 yang mencapai paras RM582 juta pada akhir bulan Jun 1997. Begitu juga dengan pelaburan dalam Sekuriti Kerajaan Persekutuan seperti MGS, bon Cagamas dan bil Perbendaharaan yang meningkat sebanyak 13.0% daripada akhir tahun 1996 kepada RM2,408 juta. Di samping itu, pelaburan dalam stok dan saham meningkat pada kadar yang lebih tinggi, iaitu sebanyak 7.3% kepada RM1,278 juta, berbanding dengan 2.9% dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Walau bagaimanapun, aktiviti **pemberian pinjaman** BSN meningkat dengan ketara sebanyak 14.5% kepada RM1,658 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 (Januari-Jun 1996: 8.4%). Ini adalah terutamanya disebabkan oleh peningkatan pinjaman yang disalurkan untuk Kad Visa dan sewa-beli yang masing-masing meningkat dengan ketara sebanyak 46.7% dan 21.2%. Begitu juga dengan pinjaman yang disalurkan kepada individu yang meningkat sebanyak 10.4% daripada akhir tahun 1996 kepada RM732 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 10.5% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sementara itu, pinjaman yang disalurkan kepada sektor korporat pula meningkat sebanyak 2.5% kepada RM161 juta (Januari - Jun 1996: 6.4%).

Jadual 9.8

Bank Simpanan Nasional
(pada akhir tempoh)

	1996	Jun 1997 ^a
Deposit ¹ (RM juta)		
Simpanan	1,682	1,624
Tetap	1,164	1,208
Simpan Dari Pendapatan	23	22
GIRO	2,561	2,572
Sijil Simpanan Premium	469	532
Pelaburan pada nilai buku (RM juta)	5,062	4,798
MGS	1,957	1,636
Stok dan saham ²	1,191	1,278
Pelbagai ³	1,914	1,884
Pinjaman (RM juta)	1,448	1,658
Individu	663	732
Korporat	157	161
Kad Visa	15	22
Sewa-Beli	613	743
Bilangan cawangan BSN ⁴	479	471
Bilangan pejabat pos dengan kemudahan BSN	614	616
Bilangan penyimpan ('000)	9,133	9,230
Simpanan	3,288	3,059
Tetap	91	96
Simpan Dari Pendapatan	21	20
GIRO	5,733	6,055

¹ Termasuk faedah yang dikreditkan.

² Termasuk saham amanah dan bukan amanah, sekuriti hutang swasta dan waran.

³ Termasuk deposit jangka panjang dan pendek.

⁴ Termasuk cawangan mini dan kecil.

^a Data awalan.

Sumber: Bank Simpanan Nasional

Jumlah bilangan cawangan BSN merosot daripada 479 buah bulan pada bulan Jun 1996 kepada 471 buah pada bulan Jun 1997, berikutan beberapa cawangan telah digabungkan sebagai cawangan berpusat berlandaskan konsep 'pusat keuntungan' (profit-centres). Walau bagaimanapun, BSN telah memasang empat buah lagi mesin ATM dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997. Secara keseluruhannya, BSN mempunyai 592 buah mesin ATM di seluruh negara pada akhir bulan Jun 1997.

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen

Kumpulan wang simpanan dan pencen utama negara kita yang terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Tabung Angkatan Tentera (TAT) dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) masih merupakan sumber pembiayaan jangka panjang tempatan yang terbesar bagi sektor awam. **Jumlah sumber** keempat-empat kumpulan wang ini berkembang sebanyak 8.4% daripada akhir tahun 1996 kepada RM145.5 bilion pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 8.3% dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.9.

KWSP kekal sebagai kumpulan wang simpanan dan pencen terbesar di negara ini dengan jumlah sumber sebanyak RM126.9 bilion pada akhir bulan Jun 1997. Jumlah sumber berkembang pada kadar 8.2% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 7.7% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Jumlah sumber KWSP terus berkembang berikutan pulangan yang tinggi daripada pelbagai pelaburannya serta peningkatan bilangan pencarum. Jumlah pelaburan KWSP meningkat sebanyak 7.9% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM124.3 bilion (Januari-Jun 1996: 8.5%), iaitu mewakili 97.9% daripada jumlah sumber keseluruhan KWSP. Pelaburan dalam pinjaman dan debentur meningkat dengan ketara sebanyak 28.5% daripada akhir tahun 1996 kepada RM13.4 bilion pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 9.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Begitu juga dengan pelaburan dalam sekuriti korporat yang meningkat sebanyak 16.2% kepada RM36.6 bilion pada akhir bulan Jun 1997 (Januari-Jun 1996: 25.0%). Di samping itu, pelaburan dalam IDB, deposit tetap dan deposit jangka pendek meningkat sebanyak 11.6% kepada RM31.7 bilion (Januari-Jun 1996: 18.9%). Namun demikian, jumlah pegangan MGS oleh KWSP terus merosot

Jadual 9.9

Kumpulan Wang Simpanan dan Pencen (pada akhir tempoh)

	Jumlah Sumber (RM juta)		Sekuriti Kerajaan Malaysia (RM juta)		Bilangan Ahli (‘000)	
	1996	Jun 1997 ^a	1996	Jun 1997 ^a	1996	Jun 1997 ^a
KWSP	117,335	126,863	38,754	38,028	8,051	8,213
PERKESO	5,233	5,486	2,572	3,033	7,614	7,917
TAT	4,120	4,288	10	10	99	105
KWAP	7,522	8,847	0	0	-	-
JUMLAH	134,210	145,484	41,336	41,071	15,764	16,235

^a Data awalan.

Sumber: Kumpulan Wang Simpanan Pekerja, Pertubuhan Keselamatan Sosial, Tabung Angkatan Tentera dan Kumpulan Wang Amanah Pencen.

sebanyak 1.9% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM38.0 bilion pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 0.4% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dengan ini, pelaburan dalam MGS merupakan 30.0% daripada jumlah pelaburan keseluruhan KWSP pada akhir bulan Jun 1997 (akhir tahun 1996: 33.0%), iaitu masih di bawah paras keperluan wajib pelaburan terkumpulnya dalam MGS sebanyak 50.0%. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh kekurangan kertas-kertas Kerajaan berikutan pengurangan pinjaman Kerajaan memandangkan kedudukan kewangannya yang bertambah kukuh dan selaras dengan matlamat KWSP untuk mempelbagaikan pelaburannya dalam pelaburan yang menghasilkan pulangan yang lebih tinggi.

Jumlah keahlian KWSP meningkat seramai 162,243 orang dalam tempoh separuh pertama tahun 1997 kepada 8,212,981 pencarum pada akhir bulan Jun 1997 daripada 8,050,738 pencarum pada akhir tahun 1996. Oleh itu, caruman kasar kepada KWSP meningkat sebanyak RM5.6 bilion dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak RM4.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996. Walau bagaimanapun, pengeluaran merosot kepada RM2.6 bilion pada akhir bulan Jun 1997 daripada RM3.6 bilion pada akhir tahun 1996. Dengan ini, jumlah keseluruhan baki akaun pencarum (termasuk faedah) meningkat sebanyak 4.9% daripada RM114.2 bilion pada akhir tahun 1996 kepada RM119.8 bilion pada akhir bulan Jun 1997 (Januari-Jun 1996: 4.6%).

KWAP telah ditubuhkan di bawah Akta Tabung Amanah Pencen 1991 pada 1 Jun 1991 dengan matlamat untuk membangunkan tabungan pembiayaan sendiri bagi mengambilalih tanggungjawab Kerajaan memenuhi kos bayaran pencen, gratuity dan lain-lain faedah persaraan kepada kakitangan awam yang bersara. Sumber dana ini diperolehi daripada sumbangan tahunan Kerajaan (pada mulanya ditetapkan pada kadar 5.0% daripada bayaran emolumen tahunan perkhidmatan awam), caruman bulanan yang dilakukan oleh majikan di bawah Akta Pencen Pihak-pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 (ditetapkan pada kadar 17.5% daripada gaji kakitangan berpencen), bayaran balik caruman majikan kepada KWSP dan lain-lain kumpulan wang yang diluluskan untuk persaraan pegawai awam, pendapatan daripada pelaburan dan

sumber-sumber lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Jumlah sumber KWAP meningkat sebanyak 17.6% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM8,847 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 21.6% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar daripada jumlah sumber keseluruhan KWAP adalah disalurkan ke dalam pelaburan (73.7%), manakala selebihnya (26.3%) terdiri daripada wang tunai dan baki yang ditempatkan dalam sistem perbankan (termasuk BNM).

PERKESO telah ditubuhkan pada tahun 1971 di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 untuk menyediakan faedah keselamatan sosial kepada pekerja melalui Skim Insurans Kecelakaan Pekerja dan Skim Pencen Ilat. Mencerminkan pengembangan berterusan dalam caruman bersih dan pulangan daripada pelaburan PERKESO, jumlah sumbernya meningkat sebanyak 4.8% dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 kepada RM5,486 juta pada akhir bulan Jun 1997, berbanding dengan peningkatan sebanyak 4.0% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Sebahagian besar (55.3%) daripada jumlah sumber keseluruhan PERKESO dilaburkan dalam MGS, tunai dan deposit dalam sistem perbankan (23.6%), manakala 11.3% dilaburkan dalam sekuriti korporat. Jumlah pekerja berdaftar adalah seramai 7,916,995 orang pada akhir bulan Jun 1997, mencerminkan peningkatan seramai 303,360 orang daripada akhir tahun 1996 (7,613,635 orang).

TAT yang telah ditubuhkan pada tahun 1973 bertujuan untuk menyediakan faedah persaraan kepada anggota perkhidmatan tentera. Dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, jumlah sumber TAT meningkat dengan pesat sebanyak 4.1% kepada RM4,288 juta, berbanding dengan peningkatan sebanyak 1.8% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan pulangan daripada pelaburannya (4.1%) yang meningkat melebihi penyusutan baki keseluruhan pencarumnya (1.1%). Baki keseluruhan pencarum (termasuk kredit) merosot daripada RM3,194 juta pada akhir tahun 1996 kepada RM3,160 juta pada akhir bulan Jun 1997, mencerminkan defisit caruman bersih yang lebih rendah bernilai RM34 juta dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997 (Januari-Jun 1996: RM71 juta). Jumlah ahli berdaftar meningkat kepada 105,040 orang pada akhir bulan Jun 1997 daripada 99,380 orang pada akhir tahun 1996.

TAT melabur sebanyak 75.2% daripada jumlah sumber keseluruhannya dalam sekuriti korporat (RM3,226 juta), manakala 19.7% adalah disimpan dengan sistem perbankan (RM846 juta). Namun demikian, pelaburan dalam MGS kekal tidak berubah pada tahap RM10 juta pada akhir bulan Jun 1997.

Syarikat Insurans

Jumlah pendapatan premium kedua-dua **sektor insurans** nyawa dan am berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 17.7% pada tahun 1996 (1995: 22.0%) kepada RM9.3 bilion, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.10. Pendapatan premium industri sebagai peratusan daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) nominal terus meningkat kepada 4.0% pada tahun 1996, berbanding dengan 3.8% pada tahun 1995. Jumlah faedah dan tuntutan bersih yang dibayar oleh industri meningkat sebanyak 21.1% kepada RM2.7 bilion (1995: 14.0%), iaitu merangkumi 26.0% daripada pendapatan premium (1995: 28.5%). Dana aset industri insurans meningkat sebanyak 20.1% kepada RM30.0 bilion pada akhir tahun 1996 (1995: RM25.0 bilion), iaitu mewakili 3.3% daripada jumlah aset sistem kewangan.

Perniagaan baru **insurans nyawa** dari segi jumlah premium dan jumlah diinsuranskan merosot, masing-masing sebanyak 9.1% dan 3.7% kepada RM1.4 bilion dan RM72.8 bilion pada tahun 1996. Penyusutan perniagaan baru ini adalah bersifat sementara memandangkan industri ini telah mengalami beberapa penyesuaian berikutan pelaksanaan garis panduan Kos Kendalian Perniagaan Insurans Nyawa oleh BNM. Jumlah diinsuranskan yang luput di sepanjang tahun 1996 meningkat sebanyak 25.4% (1995: 32.5%) kepada RM38.2 bilion, melibatkan premium tahunan sebanyak RM488.2 juta. Selaras dengan penyusutan perniagaan baru, perniagaan insurans nyawa berkuatkuasa berkembang pada kadar yang lebih perlahan dengan bilangan polisi meningkat sebanyak 7.6% (1995: 14.3%) kepada 5.3 juta polisi pada akhir tahun 1996. Begitu juga dengan jumlah diinsuranskan dan premium tahunan berkuatkuasa yang mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan, sebanyak 13.5% dan 14.1% (1995: 23.2% dan 23.6%) kepada RM275.8 bilion dan RM5.2 bilion.

Jadual 9.10

Perniagaan Insurans Nyawa dan Am

	1995	1996 ^a
Insurans Nyawa (RM juta)		
Perniagaan Baru:		
Bilangan polisi ('000 unit)	1,029.5	897.7
Jumlah diinsuranskan	75,599.5	72,775.2
Jumlah premium	1,495.0	1,358.8
Perniagaan Berkuatkuasa:		
Bilangan polisi ('000 unit)	4,949.5	5,323.4
Jumlah diinsuranskan	1,242,965.0	275,840.0
Premium tahunan	4,559.8	5,201.2
Pendapatan Premium	4,506.4	5,098.5
Pembayaran Faedah:		
Jumlah	1,077.5	1,221.1
Kematangan	379.6	392.7
Kematian dan hilang upaya	428.4	486.2
Penyerahan	191.5	228.2
Bonus tunai	77.7	113.7
Anuiti	0.3	0.3
Insurans Am (RM juta)		
Pendapatan Premium:		
Diurusniagakan	4,634.3	5,378.0
Bersih	3,412.6	4,218.6
Insurans semula di luar Malaysia	1,222.0	1,159.4
Nisbah Pembendungan (%)	73.6	78.4
Bilangan Syarikat Insurans		
Langsung:		
Nyawa	5	5
Am	40	40
Campuran	13	13
Insurans semula	4	7

^a Data awalan.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans

Kedudukan keseluruhan pendapatan dan perbelanjaan industri menunjukkan peningkatan pencapaian dengan ketara pada tahun 1996. Jumlah pendapatan industri meningkat sebanyak 19.4% (1995: 4.1%) mencapai RM6.8 bilion, manakala perbelanjaan berkembang sebanyak 4.6% (1995: 24.7%) kepada RM3.3 bilion. Pendapatan premium yang mewakili 75.3% daripada jumlah pendapatan meningkat sebanyak 13.1% (1995: 23.3%) bagi mencapai RM5.1 bilion pada tahun 1996. Pendapatan pelaburan yang merupakan komponen kedua terbesar (16.8%) daripada jumlah pendapatan, berkembang sebanyak 22.2% (1995: 17.7%) kepada RM1.1 bilion pada tahun 1996. Industri telah mengalami peningkatan yang lebih kecil dalam perbelanjaan operasinya, iaitu hanya sebanyak 0.6% (1995: 29.0%), terutamanya disebabkan oleh pertumbuhan komisen yang lebih rendah. Bayaran komisen yang merangkumi 47.0% daripada jumlah perbelanjaan, mencatatkan pertumbuhan yang lebih rendah iaitu sebanyak 5.7% (1995: 25.8%). Ini adalah terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan garis panduan kos operasi berkuatkuasa 1 Januari 1996 dan pertumbuhan perniagaan baru yang perlahan. Oleh itu, lebihan pendapatan berbanding dengan perbelanjaan bagi industri meningkat sebanyak 37.5% (1995: -13.4%) kepada RM3.5 bilion pada tahun 1996.

Jumlah aset dana insurans nyawa berkembang sebanyak 17.8% (1995: 16.9%) mencapai RM20.5 bilion pada akhir tahun 1996. Terdapat perubahan kecil dalam corak pengagihan aset industri insurans nyawa pada tahun 1996. Buat pertama kalinya, pegangan sekuriti korporat telah melebihi MGS dan Pinjaman Jaminan Kerajaan sebagai kategori aset yang terbesar, iaitu merangkumi 27.7% (1995: 23.8%) daripada aset dana insurans nyawa pada tahun 1996. Pelaburan dalam MGS dan Pinjaman Jaminan Kerajaan menjadi komponen kedua terbesar, iaitu mewakili 25.6% daripada dana insurans nyawa (1995: 26.9%), seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.11.

Pada tahun 1996, sektor insurans am terus kukuh dengan jumlah premium yang diurusniagakan berkembang pada kadar yang lebih perlahan, iaitu meningkat sebanyak 16.0% kepada RM5,378 juta (1995: 17.6%). Seajar dengan dasar Kerajaan dalam mengoptimalkan tahap pembendungan negara dan peningkatan kapasiti tempatan, jumlah premium yang telah diinsuranskan semula di luar Malaysia

Jadual 9.11

Kumpulan Wang Insurans Nyawa dan Am
(pada akhir tempoh)

	Insurans Nyawa (RM juta)		Insurans Am (RM juta)	
	1995	1996 ^a	1995	1996 ^a
Aset tetap	109.3	115.6	276.0	353.2
Pinjaman	3,527.8	4,360.0	155.9	226.8
Sekuriti Kerajaan ¹	4,344.4	5,048.1	2,074.0	2,509.7
Pinjaman Jaminan Kerajaan	339.6	182.3	59.5	33.9
Sekuriti Korporat	4,133.2	5,675.6	1,125.3	1,650.8
Hartanah	800.7	938.9	37.7	31.4
Wang tunai dan deposit	3,501.4	3,437.5	3,038.0	3,522.9
Lain-lain aset	618.3	709.2	877.3	1,253.0
JUMLAH	17,374.6	20,467.2	7,643.7	9,581.7

^a Data awalan.

¹ Termasuk bil Perbendaharaan dan Sekuriti Kerajaan yang dikeluarkan di luar negeri.

Sumber: Ketua Pengarah Insurans

menunjukkan pengurangan sebanyak 5.1% daripada RM1,221.8 juta pada tahun 1995 kepada RM1,159.4 juta pada tahun 1996. Berikutan daripada ini, nisbah pembendungan bersih menjadi bertambah baik kepada 78.4% (1996: 73.6%). Di sepanjang tahun 1996, kesemua sektor kecuali kelas wajib perniagaan motor, mencatatkan peningkatan dalam tuntutan. Dengan ini nisbah tuntutan keseluruhan bertambah buruk kepada 58.2%, berbanding dengan 55.7% pada tahun 1995. Jumlah aset dana insurans am meningkat sebanyak 25.4% kepada RM9,581.7 juta pada tahun 1996, berbanding dengan 26.5% pada tahun 1995. Tunai dan deposit yang berjumlah RM3,522.9 juta kekal sebagai portfolio pelaburan terbesar, iaitu mewakili 36.8% daripada jumlah aset, diikuti oleh MGS dan Pinjaman Jaminan Kerajaan yang berjumlah RM2,543.5 juta atau merangkumi 26.5% daripada jumlah aset.

Industri insurans dijangka mengekalkan tahap pertumbuhannya pada tahun 1997. Bagi tempoh di antara Januari hingga Jun 1997, pendapatan premium kedua-dua perniagaan insurans nyawa dan am meningkat sebanyak 19.3% kepada RM4,999.7 juta (Januari-Jun 1996: RM4,191.2 juta). Jumlah aset kedua-dua perniagaan insurans nyawa dan am mencatatkan peningkatan sebanyak 11.4% bernilai RM33,481.2 juta (Disember 1996: RM30,051.5 juta).

Pertumbuhan perniagaan baru bertambah baik dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, berbanding dengan tempoh yang sama tahun sebelumnya. Premium dan jumlah yang diinsuranskan bagi perniagaan baru meningkat, masing-masing sebanyak 21.9% (Januari-Jun 1996: -2.4%) dan 29.7% (Januari-Jun 1996: 20.0%) kepada RM695 juta dan RM44.9 bilion. Premium berkuatkuasa tahunan meningkat sebanyak 13.4% (Januari-Jun 1996: 19.2%) kepada RM5.4 bilion, manakala jumlah yang diinsuranskan berkembang sebanyak 13.4% (Januari-Jun 1996: 17.9%) kepada RM290.9 bilion. Jumlah pendapatan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 15.6% (Januari-Jun 1996: 19.9%) kepada RM3.5 bilion, manakala jumlah perbelanjaan meningkat sebanyak 15.5% (Januari-Jun 1996: 10.0%) kepada RM1.7 bilion. Dalam tempoh masa ini, lebihan pendapatan industri berbanding perbelanjaannya bertambah baik sebanyak 15.8% (Januari-Jun 1996: 31.1%) kepada RM1.8 bilion. Pada akhir bulan Jun 1997, jumlah aset dana insurans nyawa mencapai RM22.3 bilion, iaitu 8.3% lebih tinggi daripada kedudukannya pada akhir bulan Disember 1996. Sekuriti korporat kekal sebagai kategori terbesar, iaitu merangkumi 31.8% daripada aset dana insurans nyawa.

Dalam tempoh separuh pertama tahun 1997, jumlah premium sektor insurans am yang diniagakan meningkat dengan ketara sebanyak 17.5% kepada RM3,017.9 juta (Januari-Jun 1996: 18.9%). Jumlah aset industri insurans am meningkat sebanyak 16.6% kepada RM11,172.6 juta pada akhir separuh pertama tahun 1997 (Disember 1996: RM9,581.7 juta).

Pada akhir bulan Jun 1997, terdapat 66 buah syarikat insurans yang terdiri daripada lima buah syarikat insurans nyawa, 13 buah syarikat insurans komposit, 40 buah syarikat insurans am, tujuh buah syarikat insurans am semula dan sebuah syarikat insurans nyawa semula. Daripada pecahan angka ini, 53 buah syarikat ditubuhkan dalam

negeri, manakala 13 buah yang selebihnya adalah syarikat asing. Pada masa yang sama, terdapat 38 buah syarikat broker insurans berlesen dan 44 buah syarikat penilai kerosakan berlesen.

Takaful atau insurans berasaskan prinsip Islam yang dikendalikan oleh dua buah syarikat, iaitu Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) dan MNI Takaful Sdn. Bhd. (MNIT), terus berkembang pesat dengan petunjuk-petunjuk perniagaan utama mencatatkan kadar pertumbuhan dua angka bagi tahun kewangan 1997 berakhir pada 30 Jun. Jumlah aset dana takaful meningkat dengan ketara sebanyak 58.0% mencapai RM575.5 juta bagi tahun kewangan 1997, berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 68.8% dalam tahun kewangan yang lepas. Aset dana takaful keluarga mewakili 39.8% daripada jumlah aset, manakala dana takaful am pula merangkumi 36.0% dan bakinya sebanyak 24.2% merupakan dana pemegang saham. Pelaburan dalam Sijil-sijil Pelaburan Malaysia bernilai RM99.4 juta atau 17.3% daripada jumlah aset dan diikuti oleh pelaburan dalam Bank Islam Malaysia Berhad sebanyak RM76.1 juta atau 13.2% daripada jumlah aset. Bagi tahun kewangan di bawah tempoh masa kajian, perniagaan takaful baru meningkat dengan kukuh, iaitu sebanyak 42.1%. Sejumlah 55,949 sijil-sijil baru dikeluarkan di bawah perniagaan takaful keluarga dengan nilai sebanyak RM3,166.5 juta (1996: RM1,947.1 juta). Jumlah sumbangan yang diterima ke atas sijil-sijil baru ini meningkat sebanyak 84.0% kepada RM101.2 juta bagi tahun kewangan 1997. Perniagaan berkuatkuasa terus berkembang dengan kukuh selaras dengan lonjakan pertumbuhan perniagaan baru bagi tahun kewangan 1997. Bilangan sijil-sijil yang diniagakan meningkat sebanyak 67.9% mencapai 128,244 unit dalam tempoh masa kajian. Jumlah sumbangan dan jumlah penyertaan berkuatkuasa meningkat dengan ketara, masing-masing sebanyak 174.0% dan 87.5% mencapai RM229.6 juta dan RM8,557.6 juta di akhir tahun kewangan 1997.

Perniagaan takaful am yang menawarkan perlindungan merin, motor, kebakaran, kemalangan kumpulan persendirian dan kejuruteraan mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 38.8% dalam sumbangan kasar kepada RM93.0 juta bagi tahun kewangan 1997, selepas mencatatkan kadar pertumbuhan sederhana 15.7% bagi tahun kewangan 1996. Namun demikian, jumlah tuntutan pembayaran bersih bagi tahun

Jadual 9.12**Perniagaan Takaful Keluarga dan Am**

	<i>Tahun Kewangan 1996</i>	<i>Tahunan Kewangan 1997^a</i>
Aset ¹ (RM juta)	364.3	575.5
Sijil Pelaburan Malaysia	80.8	99.4
Pelaburan Dalam Bank Islam Malaysia Bhd.	49.2	76.1
Lain-lain ²	234.3	400.0
Takaful Keluarga		
Perniagaan Baru:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	55.0	101.2
Jumlah penyertaan:		
(RM juta)	1,947.1	3,166.5
Bilangan sijil	39,366	55,949
Perniagaan Berkuatkuasa:		
Jumlah sumbangan (RM juta)	83.8	229.6
Jumlah penyertaan (RM juta)	4,563.4	8,557.6
Bilangan sijil	76,393	128,244
Perniagaan Takaful Am		
Caruman kasar	67.0	93.0
Tuntutan pembayaran bersih	7.6	19.0

^a Data awalan¹ Pada akhir tempoh, 30 Jun² Termasuk saham, wang tunai dan baki serta aset lain.

Sumber: Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan MNI Takaful Sdn. Berhad.

menggalakkan lagi penjualan keluaran takaful di seluruh negara. Pada 30 Jun 1997, terdapat 63 buah kaunter takaful dan 35 buah pejabat cawangan di seluruh negara.

Pasaran Modal

Pasaran modal terus menyokong pertumbuhan ekonomi dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Jumlah dana yang diperolehi daripada pasaran modal melalui kedua-dua sektor awam dan swasta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 meningkat sebanyak 9.3% kepada RM20,717 juta, berbanding dengan RM18,957 juta yang digerakkan dalam tempoh yang sama tahun 1996, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 9.13. Sektor swasta terus mendominasi pasaran modal dengan jumlah dana kasar bernilai RM25,487 juta atau 123.0% daripada jumlah dana bersih yang diperolehi dalam pasaran modal, iaitu mewakili peningkatan sebanyak 22.9% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997 (Januari-Julai 1996: RM20,742 juta). Sebaliknya, sektor awam mencatatkan pembayaran bersih sebanyak RM3,749 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan dana bersih sebanyak RM360 juta yang diperolehi dalam tempoh yang sama tahun 1996, selaras dengan perubahan pembiayaan pembangunan daripada sektor awam sebelum ini kepada sektor swasta.

Kerajaan tidak membuat sebarang terbitan MGS yang baru dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan pengapungan satu terbitan MGS bernilai RM2,000 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Namun demikian, sebanyak RM2,320 juta MGS dan RM29 juta Bon Simpanan Malaysia telah ditebus oleh pemegang dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, manakala Terbitan Pelaburan Kerajaan pula bernilai RM1,400 juta. Khazanah Nasional Berhad, sebuah badan pelaburan Kerajaan, telah mengeluarkan bon kupon sifar bernilai RM1 bilion dengan tempoh matang tiga tahun pada 18 September 1997 bagi mewujudkan lengkok tanda aras pulangan dalam pasaran bon ringgit. Bon tanda asas sebanyak RM1 bilion ini telah terlebih langganan, dengan jumlah bid bernilai RM2.262 bilion. Bagi nilai muka sebanyak RM100, pembeli membayar RM79.44 bagi bon tersebut yang akan matang pada September 2000.

kewangan 1997 juga turut meningkat dengan ketara sebanyak 150.0% daripada RM7.6 juta kepada RM19.0 juta, berbanding dengan kemerosotan sebanyak 8.4% bagi tahun kewangan 1996. Pertumbuhan kukuh perniagaan takaful ini adalah terutamanya berpunca daripada perkembangan jaringan pengedaran dengan pembukaan beberapa pejabat cawangan baru di seluruh negara bagi

Dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, dana bersih yang diperolehi melalui **sektor swasta** meningkat sebanyak 31.6%, terutamanya melalui terbitan PDS bagi mendapatkan dana. Dana kasar yang diperolehi menerusi pasaran PDS mencatatkan peningkatan sebanyak 14.0% kepada RM13,027 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM11,428 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Dana-dana ini adalah diperolehi melalui terbitan bon konvensional (RM5,396 juta), terbitan bon berasaskan prinsip Islam (RM4,022 juta) dan terbitan bon bolehtukar (RM2,084 juta). Sementara itu, sebanyak RM1,021 juta telahpun ditebus. Dengan ini, dana bersih yang diperolehi menerusi pasaran PDS adalah sebanyak RM12,006 juta. Ia mewakili 49.1% daripada jumlah dana bersih yang diperolehi dalam pasaran modal melalui sektor swasta (Januari- Julai 1996: 49.9%).

Dalam pasaran ekuiti, jumlah dana yang diperolehi menerusi sektor swasta meningkat sebanyak 33.8% kepada RM12,460 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM9,314 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Perkembangan terbaru yang menyokong pertumbuhan pasaran modal melibatkan proses liberalisasi peraturan-peraturan bagi membenarkan syarikat-syarikat infrastruktur memperoleh dana melalui pasaran ekuiti. Jumlah dana yang diperolehi menerusi pasaran ekuiti merangkumi RM3,160 juta daripada terbitan awam, RM5,209 juta daripada terbitan hak dan RM2,836 juta daripada tawaran persendirian dalam tempoh masa kajian. Oleh itu, setelah mengambilkira penebusan dan pembayaran balik, dana bersih yang diperolehi melalui sektor swasta meningkat sebanyak 31.6% kepada RM24,466 juta dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan RM18,597 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996.

Cagamas Berhad, iaitu perbadanan gadaijanji negara, menggembleng sebanyak RM9,845 juta daripada 18 terbitan nota Cagamas dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 (Januari-Ogos 1996: sebanyak RM6,470 juta daripada 20 terbitan nota Cagamas). Nota-nota ini dengan tempoh matang di antara tiga hingga sembilan bulan adalah diterbitkan terutamanya untuk memenuhi keperluan pembiayaan jangka pendek. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, Cagamas Berhad membeli sejumlah RM4,238 juta pinjaman

Jadual 9.13

Dana yang Diperolehi dari Pasaran Modal

	1996 Januari-Julai RM juta	1997 ^a Januari-Julai RM juta
Oleh Sektor Awam		
Sekuriti Kerajaan ¹ , kasar	2,000	0
Tolak: Penebusan	1,323	2,320
Bersamaan: Terbitan bersih	677	-2,320
Tolak: Pegangan Kerajaan	0	0
Bersamaan: Terimaan Bersih Persekutuan	677	-2,320
Bon Simpanan Malaysia, bersih	-17	-29
Sijil Pelaburan, bersih	-300	-1,400
Dana bersih yang diperolehi	360	-3,749
Oleh Sektor Swasta		
Pasaran Ekuiti Saham ²	9,314	12,460
Terbitan Awam	1,183	3,160
Terbitan Hak	3,256	5,209
Terbitan Khas ³	1,786	1,255
Tawaran Persendirian ⁴	3,089	2,836
Waran	0	0
Sekuriti Hutang ⁵ (kasar)		
Bon konvensional	5,602	5,396
Bon bolehtukar	681	2,084
Bon berasaskan prinsip Islam	2,200	4,022
Bon Cagamas	2,945	1,525
Tolak: Penebusan	2,145	1,021
Terbitan bersih sekuriti hutang	9,283	12,006
Dana bersih sekuriti diperolehi	18,597	24,466
JUMLAH	18,957	20,717

^a Data awalan.

¹ Merujuk kepada Sekuriti Kerajaan Persekutuan, tidak termasuk bil Perbendaharaan.

² Merujuk kepada sekuriti korporat yang diterbitkan oleh syarikat-syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur.

³ Termasuk terbitan khas kepada pelabur Bumiputera dan pelabur terpilih.

⁴ Termasuk tawaran jualan.

⁵ Merujuk kepada sekuriti yang mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

Sumber: BNM

perumahan, berbanding dengan RM4,283 juta dalam tempoh yang sama tahun 1996. Daripada ini, 98.7% (RM4,183 juta) adalah dibeli daripada institusi kewangan, manakala 1.3% (RM55 juta) adalah daripada Bahagian Pinjaman Perumahan, Kementerian Kewangan.

Sejajar dengan pembangunan pesat dalam pasaran modal, **Agensi Penilaian Kredit Malaysia Berhad (RAM)** telah menyiapkan penarafan 33 hutang korporat bernilai RM10.2 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997. Sejumlah 58 hutang korporat dengan nilai RM8.9 bilion telah diberi penarafan oleh RAM dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pada akhir bulan Ogos 1997, sejumlah 399 penarafan korporat bernilai RM65.5 bilion telah diberi penarafan oleh RAM semenjak penubuhannya. Bagi terbitan yang dijamin oleh bank berasaskan PDS, terdapat 16 terbitan dengan nilai sebanyak RM1.6 bilion dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, berbanding dengan 26 terbitan bernilai RM3.6 bilion dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pada akhir bulan Ogos 1997, RAM telah menyiapkan penarafan 37 buah institusi merangkumi 18 buah bank perdagangan, 12 buah bank saudagar, tiga buah syarikat kewangan dan empat buah IPP. RAM juga telah membuat perjanjian usahasama dengan Duff & Phelps Rating Company (DCR) daripada Amerika Syarikat untuk menubuhkan sebuah syarikat penarafan yang akan menyediakan perkhidmatan penarafan kredit bagi syarikat-syarikat di rantau Asia. Ia juga akan membantu syarikat-syarikat di rantau ini meningkatkan penarafan kredit mereka berdasarkan aset atau aliran sekuriti masa hadapan. Dengan ini, usahasama tersebut akan memperkembangkan lagi aktiviti RAM ke bidang selain dari penarafan sekuriti hutang korporat dan institusi kewangan tempatan yang dijalankan pada masa ini. Agensi penarafan kedua, iaitu Syarikat Penarafan Malaysia Berhad (MARC), yang baru ditubuhkan pada bulan September 1996 telah menyiapkan penarafan 17 terbitan hutang korporat bernilai RM7.4 bilion pada akhir bulan Ogos 1997.


Bursa Saham Kuala Lumpur

Sentimen BSKL yang memberangsangkan pada permulaan tahun ini telah dipengaruhi oleh kesan sampingan daripada aktiviti spekulasi ke atas bath Thailand semenjak pertengahan bulan Mei 1997. Prestasi bursa tempatan adalah menggalakkan

dalam tempoh suku pertama tahun 1997 berikutan pengumuman data ekonomi makro yang positif, termasuk prospek pertumbuhan ekonomi negara yang lebih baik berikutan data yang menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang memuaskan dan data dagangan yang baik. Walaupun Indeks Komposit Kuala Lumpur (KLCI) jatuh sedikit kepada 1,203.10 mata (akhir tahun 1996: 1,237.96 mata), Indeks Papan Kedua mempamerkan prestasi cemerlang dengan mencapai tahap tertinggi pada 680.25 mata pada 19 Mac 1997 iaitu sebelum ia ditutup pada 656.38 mata pada akhir bulan tersebut. Ini merupakan 13.9% lebih tinggi daripada indeks 576.31 mata pada akhir tahun 1996. Indeks Emas meningkat sedikit pada kadar 1.1% kepada 351.42 mata (akhir tahun 1996: 347.67 mata) dalam tempoh yang sama. Prestasi bursa saham menjadi semakin lemah dalam tempoh suku kedua tahun 1997 disebabkan oleh pengenalan langkah-langkah kawalan kredit oleh BNM berkuatkuasa mulai 1 April serta perkembangan di negara Thai yang telah mengakibatkan aliran keluar modal jangka pendek. Kedua-dua KLCI dan Indeks Emas merosot dengan ketara, iaitu masing-masing sebanyak 13.0% dan 12.7% daripada kedudukannya pada akhir tahun 1996 kepada 1,077.30 mata dan 303.46 pada akhir bulan Jun 1997, manakala Indeks Papan Kedua pula menyusut sebanyak 2.4% kepada 562.66 mata.


Mencerminkan perkembangan dalam pasaran pertukaran asing dan bursa-bursa serantau, pasaran saham mula menunjukkan arah aliran penurunan yang ketara pada bulan Julai berikutan KLCI mencecah di bawah paras psikologi 1,000 mata pada tahap 777.96 mata dalam dagangan 'intra-day' pada 29 Ogos 1997 sebelum ia pulih semula ke tahap 804.40, iaitu tahap terendah semenjak 19 Ogos 1993. Pada penutup lapan bulan pertama tahun 1997, KLCI telah menyusut dengan ketara sebanyak 35.0% daripada kedudukannya pada akhir tahun 1996 kepada 804.40 mata dan Indeks Emas pula telah menjunam sebanyak 36.9% kepada 219.48 mata. Indeks Papan Kedua yang mencatatkan kenaikan yang mengagumkan di sepanjang awal tahun ini, menyusut sebanyak 35.1% daripada 576.31 mata pada akhir tahun 1996 kepada 373.74 mata pada akhir bulan Ogos 1997, iaitu yang paling rendah semenjak 15 Februari 1996. Begitu juga dengan pergerakan indeks sektoral BSKL yang mencatatkan penyusutan dua angka dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, mencerminkan sentimen pasaran yang lemah. Kejatuhan harga

Carta 9.3
Bursa Saham



1/ Indeks penutup bulanan

2/ Skil kanan



1/ Merujuk kepada Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Saham Kuala Lumpur

saham adalah paling ketara dalam sektor pembinaan (-47.9%), diikuti oleh sektor perlombongan (-40.3%), perdagangan/perkhidmatan (-38.0%), kewangan (-37.8%), hartanah (-37.5%) dan barangan perusahaan (-36.2%). Pada bulan September, KLCI telah mencecah paras terendahnya semenjak 20 April 1993 pada tahap 675.15 mata dalam dagangan 'intra-day' pada 4 September 1997. Walau bagaimanapun, sentimen pasaran kembali pulih berikutan pengumuman beberapa langkah untuk memperbaiki asas-asas ekonomi negara. Langkah-langkah ini termasuk keputusan untuk menangguh atau menjadual semula beberapa projek infrastruktur utama yang besar, membuat potongan menyeluruh sebanyak 2.0% ke atas perbelanjaan Kerajaan, mengkaji semula pembelian barangan asing yang bernilai besar oleh agensi-agensi Kerajaan, menyediakan hanya kereta-kereta Proton untuk kegunaan para pentadbir dan pegawai-pegawai awam, meningkatkan lagi penggunaan bahan tempatan dalam projek-projek penswastaan serta menarik balik status "sekuriti ditanda" bagi 100 kaunter komponen Indeks Komposit. Dengan ini, KLCI pulih kembali untuk ditutup pada tahap 814.57 mata pada 30 September 1997, iaitu peningkatan sebanyak 20.7% berbanding dengan paras terendahnya sebanyak 675.15 mata pada 4 September 1997.

Menggambarkan pergerakan indeks-indeks pasaran utama, nilai pasaran merosot dengan ketara sebanyak 31.2% atau RM251.92 bilion daripada RM806.76 bilion pada akhir tahun 1996 kepada RM554.84 bilion pada akhir bulan Ogos 1997. Begitu juga dengan jumlah dagangan yang diukur melalui jumlah pusing ganti urusniaga yang menyusut dengan ketara sebanyak 22.4% kepada 51.6 bilion unit, berbanding dengan peningkatan ketara sebanyak 89.1% dalam tempoh yang sama tahun 1996. Nilai dagangan juga turut merosot dengan ketara sebanyak 29.9% kepada RM324.6 bilion pada akhir bulan Ogos 1997 daripada RM463.3 bilion pada akhir tahun 1996 (Januari-Ogos 1996: RM294.3 bilion). Namun demikian, kecairan pasaran yang diukur melalui pusing ganti dagangan kepada nilai pasaran meningkat daripada 57.4% pada akhir tahun 1996 kepada 58.5% pada akhir bulan Ogos 1997.

Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, sebanyak 61 buah syarikat baru melibatkan modal nominal sebanyak RM7.29 bilion telah disenaraikan

Jadual 9.14

**Bursa Saham Kuala Lumpur:
Petunjuk Utama**

	1996	1997 Ogos
Indeks Harga¹		
Komposit	1,237.96	804.40
Emas	347.67	219.48
Papan Kedua	576.31	373.74
Perusahaan	2,356.91	1,619.23
Kewangan	10,284.93	6,397.44
Harta benda	2,538.80	1,586.64
Perladangan	2,864.17	2,274.77
Perlombongan	587.87	350.96
Nisbah Harga Perolehan ¹	28.56	16.40
Nilai pasaran ¹ (RM bilion)	806.76	554.84
Bilangan syarikat yang disenaraikan ¹	621	681
Urusniaga²		
Jumlah (juta unit)	66,461	51,555
Nilai (RM juta)	463,265	324,606

¹ Pada akhir tempoh

² Bagi tempoh Januari-Ogos sahaja.

Sumber: Bursa Saham Kuala Lumpur.

di BSKL (Januari-Ogos 1996: 54 buah syarikat baru dengan modal nominal sebanyak RM3.04 bilion). Daripada ini, 20 buah syarikat telah disenaraikan di Papan Utama, manakala yang selebihnya sebanyak 41 buah syarikat di Papan Kedua. Dengan ini, bilangan syarikat yang telah disenaraikan di BSKL mencapai 681 buah syarikat pada akhir bulan Ogos 1997 (akhir bulan Ogos 1996: 583)

Beberapa langkah penguatkuasaan dan perundangan telah diperkenalkan dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 bagi memperkukuh, memperdalam dan memperluaskan

lagi aktiviti pasaran modal. Langkah-langkah ini termasuk:-

**(i) Pindaan Kepada Keperluan
Penyenaraian**

- (a) berkuatkuasa mulai 1 April 1997, keperluan modal berbayar minimum bagi Papan Utama telah dinaikkan kepada RM50 juta daripada RM40 juta sebelumnya, manakala bagi Papan Kedua pula sekurang-kurangnya RM10 juta tetapi tidak melebihi RM50 juta (sekurang-kurangnya RM10 juta tetapi tidak melebihi RM40 juta sebelumnya);
- (b) kelayakan rekod prestasi keuntungan syarikat-syarikat yang akan disenaraikan di Papan Utama dipinda kepada sama ada rekod perniagaan untuk tiga tahun kewangan dengan keuntungan selepas cukai tidak kurang daripada RM4 juta setahun dan keuntungan agregat selepas cukai tidak kurang daripada RM25 juta dalam tempoh tiga tahun kewangan tersebut ataupun rekod perniagaan lima tahun kewangan dengan keuntungan selepas cukai yang tidak kurang daripada RM2 juta setahun dan keuntungan agregat selepas cukai yang tidak kurang daripada RM25 juta bagi tempoh lima tahun kewangan tersebut (sebelum ini syaratnya ialah rekod perniagaan lima tahun kewangan dengan keuntungan selepas cukai yang tidak kurang daripada RM2 juta setahun dan purata keuntungan selepas cukai yang tidak kurang daripada RM5 juta setahun bagi tempoh lima tahun kewangan tersebut).

**(ii) Penyenaraian Syarikat-Syarikat
Subsidiari atau Bersekutu**

Tahap minima keuntungan selepas cukai dan/atau sumbangan aset ketara bersih bagi penyenaraian syarikat-syarikat subsidiari atau bersekutu telah dinaikkan daripada 35.0% kepada 50.0%.

(iii) Penaja Syarikat-Syarikat Pemohon Papan Kedua

Semua penaja syarikat-syarikat pemohon Papan Kedua bagi penyenaraian langsung adalah dikehendaki menyediakan jaminan keuntungan yang disokong oleh jaminan bank, menggantikan pilihan sama ada jaminan keuntungan atau moratorium ke atas jualan saham.

(iv) Sistem Penjelasan

Sistem pusingan T+5 BSKL yang menggantikan sistem T+7, dilaksanakan pada 18 Ogos 1997. Sistem ini mengurangkan masa di antara permulaan dagangan dan penjelasan supaya dapat mengurangkan risiko dan pendedahan pasaran. Sistem ini adalah selaras dengan bursa saham negara-negara maju dan standard antarabangsa yang akan seterusnya menggalakkan penglibatan pelabur-pelabur asing dalam pasaran negara. Tambahan pula, ia mewujudkan mudah tunai yang lebih tinggi dan keyakinan pasaran yang lebih kukuh, meningkatkan prosedur-prosedur operasi dan memberi peluang memperolehi teknologi-teknologi baru.

(v) Perkhidmatan Broker Saham

Bagi membolehkan broker-broker tempatan bersaing dengan broker-broker asing, syarikat-syarikat broker saham tempatan telah dibenarkan menubuhkan syarikat amanah saham, pengurusan dana, menjalankan aktiviti taja jamin dan menerbitkan waran panggilan.

(vi) Sistem Perniagaan Sekuriti Tanpa Srip

Sistem Pemindahan Elektronik untuk Dana dan Sekuriti (SPEEDS) telah diperluas untuk merangkumi bon korporat yang tidak disenaraikan dan ini akan meningkatkan lagi mudah tunai dalam pasaran bon memandangkan perniagaan dan penjelasan bon korporat kini dapat dilakukan secara elektronik menerusi SPEEDS.

(vii) Bursa Dagangan Sekuriti dan Sebut Harga Automasi Malaysia (MESDAQ)

Bagi melengkapi usaha-usaha Kerajaan dalam menjadikan Kuala Lumpur sebagai sebuah pusat pasaran modal serantau, MESDAQ, sebuah bursa baru untuk syarikat-syarikat berteknologi tinggi yang masih tidak mempunyai rekod keuntungan dijangka dilancarkan pada penghujung tahun 1997. MESDAQ akan memberi tumpuan kepada sembilan bidang teknologi utama bagi tujuan penyenaraian syarikat-syarikat teknologi di bursa baru ini. Bidang-bidang tersebut adalah elektronik termaju dan teknologi maklumat; peralatan/perkakasan automasi dan sistem perkilangan fleksibel; bioteknologi, "bioconversion" dan kejuruteraan genetik; "elektro-optics", "non-linear optics" dan optoelectronics; bahan-bahan termaju; sumber tenaga; "aerospace"; pengangkutan; dan perkhidmatan.

(viii) Bon Tanda Aras

Kerajaan telah memperkenalkan program bagi menerbitkan siri bon-bon yang bertujuan untuk mewujudkan lengkung tanda aras pulangan bagi pasaran bon ringgit. Khazanah Nasional Berhad, sebuah subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, telah dipilih sebagai penerbit tanda aras ini. Ciri-ciri utama program terbitan Bon Tanda Aras Khazanah adalah:

- berasaskan kupon sifar dengan konsep murabahah;
- dijamin sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia;
- diterbitkan secara suku tahunan;
- saiz terbitan tidak akan kurang daripada RM500 juta setiap terbitan;
- tidak akan layak bagi status aset kecairan;
- tempoh matang akan bermula dengan tempoh masa yang lebih pendek bagi struktur terma tersebut

dan akan meliputi tempoh matang yang lebih panjang secara progresif;

- bid yang lebih berdaya saing berdasarkan harga melalui Peniaga-peniaga Utama; dan
- diniagakan menerusi Sistem Perniagaan Sekuriti Tanpa Skrip (SSTS).

Bon Tanda aras pertama dengan nilai sebenar RM1 bilion dan tempoh matang tiga tahun telah diterbitkan pada 18 September 1997. Dengan pengenalan Bon Tanda Aras Khazanah ini, pasaran sekunder bagi bon akan menjadi bertambah cekap dan aktif di samping membantu pembangunan bon hadapan dan opsyen bagi memperluaskan dan memperdalamkan pasaran derivatif kewangan.

(ix) Mengadakan Indeks Saham Islam

Satu Indeks Saham Islam akan diperkenalkan di BSKL dengan tujuan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat kewangan Islam serantau. SAC, Suruhanjaya Sekuriti telah meluluskan senarai awal sebanyak 371 buah syarikat yang disenaraikan di BSKL sebagai sekuriti yang diluluskan pada 18 Jun 1997. Memandangkan syarikat-syarikat ini adalah disenaraikan di Papan Utama dan Kedua BSKL, satu indeks bagi setiap papan akan diwujudkan oleh BSKL.

(x) Lembaga Standard Perakaunan Malaysia dan Yayasan Laporan Kewangan

Berikutan pengumuman dalam Belanjawan 1997 bahawa Lembaga Standard Perakaunan Malaysia (MASB) akan ditubuhkan di bawah perundangan baru, Yayasan Laporan Kewangan (FRF) dan MASB telah ditubuhkan di bawah Akta Laporan Kewangan 1997 sebagai sebuah rangka kerja yang baru bagi laporan kewangan di Malaysia. Kedua-dua FRF dan MASB telah mula beroperasi sejak 1 Julai 1997. FRF dan MASB adalah bertanggungjawab kepada penubuhan kewangan perakaunan dan standard

laporan di Malaysia dan telah ditubuhkan sebagai susunan dua peringkat bagi mengasingkan fungsi pembiayaan dan kawalan daripada fungsi teknikal bagi memastikan kebebasan penetapan standard.

(xi) Penyenaraian Syarikat-Syarikat Asing di BSKL

Berikutan pengumuman Menteri Kewangan pada bulan Ogos 1996 bagi membenarkan syarikat-syarikat asing disenaraikan di BSKL, **Garis Panduan Tawaran Saham Awam oleh Syarikat-Syarikat Asing dengan Penyenaraian dan Sebut Harga di BSKL** telah diumumkan dengan rasmi pada 1 April 1997. Di bawah garis panduan ini, hanya syarikat-syarikat asing yang mempunyai kepentingan negara yang besar akan dibenarkan untuk disenaraikan terlebih dahulu, manakala kategori-kategori syarikat-syarikat asing yang lain akan diberi pertimbangan di peringkat akan datang. Hanya penyenaraian utama dalam denominasi ringgit akan dipertimbangkan. Tambahan pula, penyenaraian adalah dijangka memenuhi tahap standard penyebaran maklumat yang tinggi. Langkah untuk menggalakkan penyenaraian syarikat asing di BSKL adalah sejajar dengan matlamat membangunkan KLSE sebagai sebuah pusat kewangan serantau. Ia adalah juga bagi menggalakkan pembangunan industri perkhidmatan kewangan dan menyumbang kepada matlamat dan komitmen Kerajaan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan ekonomi negara.

Pada akhir tahun 1996, Malaysian Central Depository (MCD) Sdn. Bhd. telah berjaya memasukkan kesemua syarikat yang tersenarai di Papan Utama dan Kedua ke dalam **Sistem Depositori Pusat** (CDS) menerusi Pelan Pengalihan Yang Dipercepatkan (Accelerated Conversion Plan) dengan menjadual semula dan mempercepatkan kemasukan saham-saham ke dalam CDS. Dalam tempoh 15 bulan (Oktober 1995 hingga Disember 1996), MCD telah berjaya memasukkan 341 buah syarikat di Papan Utama ke dalam CDS. Selain dari sekuriti biasa, jenis sekuriti lain seperti "Transferable Subscription Rights", waran dan stok pinjaman juga telah

dimasukkan ke dalam sistem ini bermula daripada bulan Mac 1997 dan proses ini telah berjaya disempurnakan sebelum 30 Jun 1997. Pada akhir bulan Ogos 1997, sejumlah 1,766,539 akaun CDS telahpun dibuka. Bilangan peserta CDS pula berjumlah 106, iaitu meliputi 61 Agen Depositori Bertauliah dan 45 Ahli Terus Bertauliah. Dengan ini, terdapat 688 buah syarikat melibatkan 100,171 juta saham telah dimasukkan ke dalam CDS pada akhir bulan Ogos 1997.

Semenjak **Bursa Opsyen dan Kewangan Hadapan Kuala Lumpur (KLOFFE)** memulakan operasinya pada 15 Disember 1995, dagangan kontrak hadapan Komposit Indeks (CI) BSKL meningkat dengan ketara. Dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, KLOFFE telah mencapai jumlah kontrak purata bulanan sebanyak 20,362 kontrak, mewakili peningkatan sebanyak 218.2% daripada jumlah kontrak purata bulanan sebanyak 6,400 kontrak pada tahun 1996. Jumlah kontrak purata harian dalam tempoh yang sama tahun 1997 adalah sebanyak 999 kontrak, iaitu peningkatan sebanyak 220.2% daripada akhir tahun 1996 (312 kontrak). Jumlah dagangan kontrak hadapan CI BSKL mencapai rekod tertinggi sebanyak 2,115 kontrak purata harian dalam bulan Ogos 1997. Seperti tahun lepas, institusi kewangan masih berada di tempat pertama dari segi jumlah dagangan kontrak hadapan CI BSKL dengan bahagian pasaran sebanyak 41.0% dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997, diikuti oleh peniaga kecil tempatan (32.0%), ahli-ahli tempatan (18.0%), pemilik persendirian (5.0%), institusi domestik (3.0%) dan peniaga kecil asing (1.0%).

Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR) hadapan tiga bulan di **Bursa Kewangan Malaysia (MME)** yang telah dilancarkan pada 28 Mei 1996 mencatatkan pusing ganti kontrak yang menggalakkan sebanyak 61,579 kontrak dengan nilai 'notional' sebanyak RM61,579 juta dalam tempoh lapan bulan pertama tahun 1997 (akhir tahun 1996: 40,933 kontrak, RM40,933 juta). Memandangkan pelabur-pelabur lebih mengutamakan perlindungan diri daripada risiko kadar faedah untuk tempoh yang lebih panjang, kontrak yang paling aktif diniagakan adalah kontrak-kontrak pada bulan Mac, Jun dan September 1997, iaitu merangkumi 52.0% daripada jumlah pusing ganti

kontrak dalam tempoh masa kajian. Penggerak pasaran (50.4% daripada jumlah yang diurusniagakan) kekal sebagai peserta paling penting dalam pasaran ini, diikuti oleh institusi kewangan tempatan yang bukan penggerak pasaran dan syarikat-syarikat (23.3%) dan warga asing (8.4%).

Industri unit amanah mencatatkan pertumbuhan dalam unit edaran sebanyak 11.5% dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Namun demikian, disebabkan oleh keadaan pasaran yang lemah, jumlah nilai aset bersih dana menyusut sebanyak 5.4% daripada RM59.96 bilion pada akhir tahun 1996 kepada RM56.74 bilion pada akhir bulan Julai 1997. Pada 31 Julai 1997, nilai aset bersih dana mewakili 7.7% daripada nilai pasaran BSKL. Sejumlah tiga lagi unit baru dana amanah dengan saiz dana sebanyak 700 juta unit diluluskan dalam tempoh tujuh bulan pertama tahun 1997. Di antara dana-dana baru yang dilancarkan (termasuk satu yang diluluskan dalam tahun 1996) dalam tempoh ini termasuk Dana Kuala Lumpur Ittikal, Dana Indeks Ekuiti MBf, Dana Pearl Pacific dan Dana Berimbang Persaraan SBB.

Bursa Komoditi Kuala Lumpur

Kecuali Minyak Kelapa Sawit Mentah (MKSM) hadapan, urusniaga di Bursa Komoditi Kuala Lumpur (BKKL) pada tahun 1997 kekal tidak cergas. Dalam tempoh enam bulan pertama tahun 1997, urusniaga MKSM hadapan meningkat sebanyak 2.1% dengan jumlah pusing ganti jualan sebanyak 237,847 lot dengan setiap lot mengandungi 25 tan metrik, berbanding dengan 232,942 lot dalam tempoh yang sama tahun 1996. Pusing ganti jualan ini bersamaan dengan 5.9 juta tan metrik MKSM, dimana ianya melebihi pengeluaran minyak kelapa sawit mentah sebanyak 4.1 juta tan metrik bagi tempoh enam bulan pertama tahun 1997. Purata pusing ganti jualan harian bagi tempoh tersebut meningkat kepada 1,982 lot atau 49,550 tan metrik pada tahun 1997, berbanding dengan 1,957 lot atau 48,925 tan metrik yang dicapai pada tahun 1996 dengan purata harga penyelesaian sebanyak RM1,253 pada suku pertama tahun 1997 dan RM1,304 pada suku kedua tahun ini.